50

50

Jilid III
Bil. 2

Hari Selasa
4hb Mei, 1976

# LAPURAN PERSIDANGAN

## OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT

*FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG*

PENGGAL YANG KETIGA

*Third Session*

MESYUARAT YANG PERTAMA

*First Meeting*

Jilid III
Bil. 2

Hari Selasa
4hb Mei, 1976

# LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

# DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT
*FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG*

PENGGAL YANG KETIGA
*Third Session*

MESYUARAT YANG PERTAMA
*First Meeting*

## KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG [226]
USUL DI BAWAH PERATURAN MAJLIS MESYUARAT 60 (2) [230]
USUL DI BAWAH PERATURAN MAJLIS MESYUARAT 75 [269]

DICETAK OLEH
ROBERT TEH ONG CHAI, PEM. PENOLONG PENGARAH,
JABATAN CETAK KERAJAAN, IPOH, PERAK
1978

PULAU PINANG

# DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT

*Lapuran Persidangan*

## PENGGAL YANG KETIGA

### MESYUARAT YANG PERTAMA

Hari Selasa 4hb Mei, 1976

HAZIR:

Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Harun bin Sirat, D.M.P.N.)
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Mohd. Noor bin Haji Ahmad, P.U.P.)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)
" " Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, D.M.P.N., A.M.N., J.P.)
" " Kawasan Kampung Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.P.)
" " Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah, J.P.)
" " Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
" " Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)
" " Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng *alias* Khor Gark Kim)
" " Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh *alias* Mat Noor, P.J.K.)
" " Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)
" " Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)
" " Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye)
" " Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)
" " Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed *alias* Mahmud, P.P.N.)
" " Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.)
" " Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey)
" " Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)
" " Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin *alias* Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
" " Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
" " Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)
" " Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan *alias* Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
" " Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)
" " Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

TURUT HAZIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt)

## DOA

*Dewan bersidang semula jam 9.30 pagi.*

## 6. RANG UNDANG-UNDANG.

### (1) Rang Undang-Undang Logam Bijih (Memperluaskan Penggunaan ke Negeri Pulau Pinang) (Pindaan), 1976.

### Bacaan Yang Pertama

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen untuk memperluaskan penggunaan Enakmen Logam Bijih Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ke Negeri Pulau Pinang' dibacakan kali yang pertama.

**Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed):** Saya mohon menyokong.

*Rang Undang-Undang dibacakan kali yang pertama.*

**Tuan Speaker:** Bacaan yang kedua hari apa?

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, sekarang juga.

**Tuan Speaker:** Baiklah.

### Bacaan Yang Kedua

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen untuk memperluaskan penggunaan Enakmen Logam Bijih Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ke Negeri Pulau Pinang' dibacakan bagi kali yang kedua.

Datuk Yang Dipertua, Enakmen Logam Bijih Negeri-Negeri Melayu Bersekutu adalah satu Undang-Undang yang pada dasarnya mengawal pembelian, penjualan, pergerakan dan pembilasan logam. Undang-Undang ini telah dikuatkuasakan di Negeri-Negeri lain dalam Persekutuan Tanah Melayu sejak bertahun-tahun dahulu oleh kerana kebanyakan daripada negeri ini adalah negeri-negeri yang mengeluarkan bahan-bahan logam.

Dengan perkembangan perusahaan dalam Negeri Pulau Pinang, pengindustri-pengindustri telah menunjukkan minat mereka untuk menubuhkan kilang-kilang bagi tujuan pembilasan logam seperti zircon, monazite, columbite, dan lain-lain yangmana diimpot daripada negeri-negeri jiran. Pembilasan sedemikian bertujuan untuk mengeluarkan bijih-bijih timah daripada sumber ini. Sebenarnya telahpun ujud sebuah kilang yang bertujuan di atas di Ladang Perusahaan Perai.

Dengan penubuhan perusahaan ini, dan juga disebabkan minat yang ditunjukkan oleh pihak-pihak lain dalam bidang ini adalah wajar untuk mengawal usaha ini dengan diadakan Enakmen Logam Bijih.

Di antara lainnya, Enakmen ini memerlukan pemilikan dokumen tertentu apabila bahan-bahan galian dipindah dari satu tempat ke satu tempat dalam negeri atau dibawa ke dalam negeri dari negeri luar. Enakmen tersebut juga memerlukan lesen untuk pembelian, menyimpan dan pembilasan logam. Kawalan-kawalan ini adalah perlu oleh kerana ianya akan menyekat pergerakan bahan-bahan logam dengan bebas ke dalam Negeri ini dan dengan itu mengelak bahan-bahan logam yang mungkin dicuri daripada dibawa masuk ke dalam negeri untuk tujuan-tujuan pembilasan. Tempat-tempat menyimpan bahan-bahan ini akan dikeluarkan lesen dan akan menjadi satu kesalahan kepada sesiapa yang menyimpan bahan-bahan logam selain daripada di tempat-tempat yang dikeluarkan lesen.

Datuk Yang Dipertua, Enakmen Logam Bijih merupakan satu Undang-Undang Pencegahan dan Undang-Undang ini adalah perlu bagi Negeri ini untuk membolehkan Negeri ini diselaras dengan negeri-negeri jiran berkaitan dengan perusahaan ini.

Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed):** Saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:** Dewan dibuka untuk dibahas.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Speaker, saya mohon menyokong penuh satu Rang Undang-Undang ini. Saya selalu ada bercakap di dalam Dewan ini, wang simpanan di dalam Negeri kita, iaitu General Reserve Fund tidak ada banyak, lebih-kurang $10 juta tiap-tiap tahun. Sayapun selalu ada bercakap di dalam Dewan ini iaitu—saya minta izin—*our revenue resources* banyak kurangnya. Dari negeri mana kita boleh dapat revenue? Dari tempat mana?

Datuk Yang Dipertua, Negeri Perak dan Negeri Selangor ada dapat *mineral resources* bagi *revenue.* Tetapi kita tidak ada *resources* macam *mineral ores* atau lain-lain. Sebab itu, Datuk Speaker, ini satu Rang Undang-Undang yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa Kerajaan mendapat *revenue* baru. Sebab apa? Di dalam Negeri kita, kita ada dua tin refining factories; satu di Butterworth, S.T.C., satu di Pulau Pinang, *Eastern Smelting.* Jikalau Kerajaan bolehlah membuat *rules* atau Undang-Undang bolehlah *control* ekspot dan impot dan *impose duties* atau *taxes* atau apa-apa cukai. Macam itulah kita tentu bolehlah dapat *revenue* baru. Saya ingat dua syarikat-syarikat itu, tiap-tiap tahun *turn over* bagi dua syarikat-syarikat itu ada sebanyak lebih-kurang $100 jutapun tidak tentu. Jikalau kita boleh *impose* cukai impot/ekspot, cukai ini kita simpan di dalam Negeri kita. Inilah satu *new source of revenue.*

Datuk Yang Dipertua, dua atau tiga tahun dahulu, saya dapat tahu dari Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ialah di dalam negeri, kita ada satu *off-shore petroleum exploration.* Kita boleh dapat *petroleum* dari dalam laut. Ini satu rancangan adalah dibangkitkan di dalam Dewan ini, saya ingat beberapa kali juga, tetapi negeri kita tidak ada rancangan-rancangan *to implement* projek ini. Tetapi rancangan *off-shore petroleum drilling* ini—saya sudah lupa nama orang yang Ketua Menteri ada cakap, tetapi macam itulah—tidak ada *follow-up.* Inilah saya rasa dukacita. *Expert* dari negeri lain ini ada memberitahu juga, di dalam surat khabar, bahawa negeri kita ada simpanan *petroleum* di dalam laut. Saya haraplah ini satu *source of revenue* yang Kerajaan Negeri tentu mahu buat satu rancangan supaya kita boleh dapat *revenue* baru.

Datuk Yang Dipertua, *revenue* di dalam negeri kita ialah *very limited.* Kalau Bil yang saya sokong penuh ini diluluskan di dalam Dewan ini, saya haraplah Kerajaan boleh buat rancangan-rancangan penuh, rancangan-rancangan kerja kuat dan bekerja keras untuk mencari di mana-mana ada bukit-bukit di dalam negeri kita, darimana kita boleh dapat *mineral ores.* Saya ada dapat tahu, Kerajaan Negeri ada bagi tahu Dewan ini, negeri kita ada tanah sebanyak 19,000 ekar, *mostly hill lands.* Saya fikir jikalau *hill lands* di dalam negeri-negeri lain mempunyai *mineral ores,* saya ingat *hill lands* di dalam negeri kita tentu kita boleh *explore* supaya kita boleh dapat satu *chance* boleh timbang di mana kita boleh dapat *mineral ores* di dalam negeri kita. Inilah tiga cadangan saya mahu beritahu kepada Kerajaan Negeri. Jikalau kita boleh dapat wang sendiri, tidak payah pergi pinjam dari kiri, kanan dan *centre.* Inilah satu rancangan kita tentu mahu kerja kuat. Sebab itulah dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-Undang ini dan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal sebablah ucapan beliau bukan satu bahasan. Beliau telah menyokong penuh Rang Undang-Undang ini, tetapi saya mesti ambil peluang di sini berkata tujuan Rang Undang-Undang yang kita ada hari ini bukanlah kita hendak cari wang atau pendapatan baru tetapi tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk mengawal perkara-perkara tersebut. Sungguhpun Kerajaan Negeri sungguh sukacita jikalau kita boleh dapat bijih-bijih atau lain-lain galian di dalam Negeri Pulau Pinang, tetapi mengikutlah lapuran selepas siasatan dan kajian oleh Pejabat Tanah dan Galian, Negeri Pulau

Pinang ialah sebuah negeri yang kekurangan bijih-bijih dan lain-lain galian.

Berkenaan *off-shore petroleum,* itulah satu masalah yang bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bagan Jermal tidak faham bahawa semua pekerjaan-pekerjaan itu adalah bersangkut dengan PERNAS. Tetapi macamanapun apa yang saya mesti beri keterangan di dalam Dewan ini ialah tujuan Rang Undang-Undang ini ialah mengawal, bukan mencari pendapatan baru.

*Soalan dikemukakan dan dipersetujui.*

*Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.*

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini kini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk tujuan menimbangkan Rang Undang-Undang ini sefasal demi sefasal.

**Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed):** Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

*Soalan dikemukakan dan dipersetujui.*

**Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa**

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Fasal 1, menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

**Fasal 2**

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Speaker, berkenaan Fasal 2 di dalam 'Explanatory Statement' ada disebut, dan Yang Amat Berhormatpun ada cakap juga—saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris—"to control the purchase, sale and treatment of Minerals". Tetapi kalau kita boleh control the purchase, sale and treatment of minerals, sebab apa kita tidak boleh *impose* duty atau cukai-cukai baginya? Yang Amat Berhormat ada bercakap ini bukanlah satu Rang Undang-Undang yang tujuannya untuk mendapat cukai baru, tetapi jikalau boleh *control sale and purchase* kitapun boleh *impose duty* dan cukai. Ini satu soalan mahu tanya kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, apa yang saya kata tadi, sungguhpun kita boleh dapat sedikit daripada kawalan bijih di dalam Negeri Pulau Pinang tetapi apa yang saya kata ialah tujuan ini bukanlah untuk mencari pendapatan baru tetapi ialah untuk mengawal. Apa yang kita mestilah *realistic* ialah kita nampak Negeri Pulau Pinang tidak banyak pendapatan baru yang boleh didapati daripada logam.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Yang Dipertua, saya tidak dapat jawapan lagi sebab dia cakap tujuan itu bukan mahu dapat *revenue* baru. Sebab apa kita mahu control *sales* dan *purchases*? Kalau *control* ekspot dan impot, tentu kita boleh *impose* cukai bagi apa-apa barang impot dan ekspot di dalam negeri kita. Saya tidak faham. Betul saya tidak faham. Sebab apa kita mahu *control* ini *sales* dan *purchases* tetapi tidak ada tujuan memberi *revenue baru*? Saya tidak faham jawapan dari Ketua Menteri.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya haraplah Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal dengar baik-baik apa yang saya jawab. Kata saya, sungguhpun tujuan ini ialah mengawal, kita barangkali boleh dapat sedikit wang daripada lesen-lesen yang dikeluarkan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Impot, ekspot.

**Ketua Menteri:** Tetapi tujuan Rang Undang-Undang ini bukanlah untuk mencari pendapatan baru. Masalah yang beliau bangkitkan ialah sebab apa Kerajaan sekarang hendak kawal atau hendak bagi lesen-lesen untuk logam bijih di dalam negeri ini dan sebabnya ialah untuk perkhidmatan dan pentadbiran yang baik dan sesuai.

Fasal 2 dan tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

*Dewan bersidang semula.*

**Bacaan yang Ketiga**

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya mohon melapurkan bahawa Rang Undang-Undang Logam Bijih (Memperluaskan Pengunaan ke Negeri Pulau Pinang) (Pindaan), tahun 1976 telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

**Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed):** Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

*Soalan dikemukakan dan dipersetujui.*

*Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.*

**(2) Rang Undang-Undang Pengesahan Kadar, 1976.**

**Bacaan yang Pertama**

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen bagi mengesahkan beberapa penaksiran dan kadar tertentu yang telah dibuat atau seolah-olah telah dibuat di bawah peruntukan Ordinan Perbandaran N.S. Bab 133' dibacakan bagi kali pertama.

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff):** Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong Usul itu.

*Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang pertama.*

**Tuan Speaker:** Bacaan kali kedua hari apa?

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, sekarang juga.

**Datuk Speaker:** Baiklah.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-Undang bernama Enakmen Pengesahan Kadar tahun 1976 dibaca bagi kali kedua.

Datuk Yang Dipertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk mengesahkan beberapa penaksiran dan kadar tertentu yang telah dibuat atau seolah-olah telah dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Perbandaran N.S. Bab 133. Penilaian harta-harta yang dijalankan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang bagi senarai penaksiran tahun 1976 tidak dapat disahkan oleh Lembaga sebelum tamatnya tahun 1975 mengikut peruntukan seksyen 63 (1) Ordinan Perbandaran untuk memberikan Lembaga dengan kuasa-kuasa di sisi undang-undang untuk mengutip kadar-kadar bagi tahun 1976. Adalah perlu bagi Dewan ini untuk mencadangkan Rang Undang-Undang tersebut di Mesyuarat ini.

Fasal 3(1) dalam Rang Undang-Undang bertujuan memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengutip kadar-kadar bagi tahun ini berdasarkan kepada senarai-senarai penaksiran, tahun 1976. Fasal 3(2) akan membolehkan pihak berkuasa tempatan untuk menyediakan senarai-senarai penaksiran yang berasingan dalam mana-mana kawasan di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan.

Fasal 4 bertujuan untuk mengesahkan bayaran-bayaran kadar yang telah dibuat setakat ini di atas senarai-senarai penaksiran bagi tahun 1976.

Fasal 5(1) bertujuan untuk mengesahkan bantahan-bantahan yang telah dibuat setakat ini terhadap senarai-senarai taksiran tahun 1976. Fasal 5(2) akan membolehkan kadar-kadar tahun 1975 dikutip sebelum bantahan-bantahan dibicarakan dan ditentukan. Dan Fasal 5(3) pula bertujuan untuk membenarkan kutipan kadar-kadar atas senarai 1976 selepas bantahan-bantahan dibicarakan dan ditentukan dan sekiranya bayaran bagi kadar tahun 1975 yang telah dibuat oleh seseorang itu adalah kurang daripada jumlah yang kena dibayar olehnya bagi kadar tahun 1976, ianya akan dikehendaki memba-

yar perbezaannya, tetapi sekiranya bayaran itu adalah berlebihan maka kelebihan itu akan dikembalikan kepadanya.

Datuk Yang Dipertua, Fasal 6 bertujuan untuk mengesahkan penaksiran-penaksiran dan kadar-kadar serta segala tindakan yang lalu yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan dan kakitangan-kakitangan berkaitan dengan kadar.

Fasal 7 bertujuan untuk melindungi pihak berkuasa tempatan dan kakitangan-kakitangannya dari sebarang langkah pembicaraan di sisi undang-undang berkenaan dengan penaksiran-penaksiran dan kadar-kadar serta tindakan-tindakan yang lalu berkaitan dengan kadar.

Rang Undang-Undang ini telahpun dibuat selepas Kerajaan Negeri berunding dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan dan mendapat persetujuan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan sepertimana dikehendaki oleh Perkara 95A (6) Perlembagaan Persekutuan.

Datuk Yang Dipertua, ini bukanlah kali yang pertama suatu Rang Undang-undang sedemikian dibuat. Dalam tahun 1957, satu perundangan yang sama telah diluluskan untuk mengesahkan penaksiran-penaksiran kadar-kadar, dan segala tindakan pihak-pihak berkuasa tempatan berkaitan dengan kadar bagi keseluruhan negara pada amnya. Dalam tahun yang sama, Ordinan Pengesahan Kadar Taiping telah dibuat yang menguntukkan supaya kadar-kadar dikenakan di kawasan Lembaga Bandaran Taiping, Perak bagi tahun 1957. Dalam tahun 1959, Enakmen pengesahan kadar Kluang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Johor, yang menguntukkan supaya kadar-kadar dikenakan di kawasan Lembaga Bandaran Kluang bagi tahun 1959.

Datuk Yang Dipertua, Rang Undang-Undang yang saya cadangkan ialah terus dan pendek dan tujuan-tujuan yang saya telah sebutkan adalah terang. Sebab masalah ini telah mendapat banyak kontroversi di luar Dewan ini, dan sebablah masalah ini adalah suatu masalah "politician" dan lain-lain, surat khabarpun telah mengambil bahagian di luar Dewan ini, saya haraplah Yang Berhormat Ahli-ahli di dalam Dewan ini mempertimbangkan Rang Undang-Undang ini dengan dalam dan teliti dan saya harap dalam perbahasan yang kita ada di dalam Dewan ini kita ambillah keputusan yang adil dan keputusan yang betul untuk faedah rakyat Negeri Pulau Pinang.

*Datuk Yang Dipertua, asya mohon mencadangkan.*

**Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff):** Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Speaker:** Dewan dibuka untuk dibahaskan.

## USUL DI BAWAH PERATURAN MAJLIS MESYUARAT 60 (2).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Yang Dipertua, di atas peraturan 60 (2), saya mohon mencadangkan satu pindaan, iaitu bacaan kedua. Rang Undang-Undang Enakmen Pengesahkan Kadar 1976, ditangguhkan pada mesyuarat yang akan datang.

Datuk Yang Dipertua, ini satu Rang Undang-Undang yangmana Yang Amat Berhormatpun ada berkata juga suatu Rang Undang-Undang yang kontroversi. Inilah Rang Undang-Undang, jikalau diluluskan dalam Dewan ini adalah berkenaan semua rakyat dalam negeri kita. Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ada dapat satu Rang Undang-Undang.

**Tuan Speaker:** Ahli Yang Berhormat, nanti saya baca pindaan Ahli Yang Berhormat. Pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal ialah:

> "Saya mohon mencadangkan satu pindaan adalah Rang Undang-Undang Enakmen Pengesahan Kadar 1976 bacaan kedua ditangguhkan pada satu Mesyuarat yang akan datang".

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Peraturan 60 (2).

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun):** Tuan Speaker, saya menyokong Usul ini.

**Tuan Speaker:** Ahli-ahli Yang Berhormat pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Encik Ong Yi How, siapa yang bersetuju katakan "Ya".

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Yang Dipertua, saya belum bagi sebab-sebab mengapa saya bawa pindaan ini. Bolehkah bagi satu peluang kepada saya memberi keterangan kepada Dewan ini supaya pindaan ini boleh di-*vote for decision*. Sebab itu bolehkah bagi satu peluang, pendek saja, bukan panjang.

Terima kasih, Datuk Yang Dipertua. Tujuan saya membawa pindaan ini ialah kerana ini satu perkara yang kontroversi. Ini satu perkara atau masalah berkenaan semua penduduk-penduduk di dalam negeri kita. Sebab itulah saya harap Dewan ini memberi masa bagi membincang Rang Undang-Undang ini. Surat khabarpun ada cakap, *politician* di dalam Dewan ini, di luar Dewan ini, wakil rakyat di dalam Parlimenpun ada bercakap berkenaan masalah ini. Persatuan-persatuan juga, pemimpin-pemimpin di dalam persatuan-persatuan dan pemimpin-pemimpin di dalam negeri kitapun ada bercakap apa kesusahan-kesusahan di luar Dewan ini.

Datuk Yang Dipertua, tujuan yang pertama saya mencadangkan pindaan ini adalah memberi masa kepada Kerajaan supaya Kerajaan boleh buat majlis dailog dengan pemimpin-pemimpin di dalam negeri kita dan pemimpin-pemimpin dalam persatuan-persatuan di dalam negeri kita.

Datuk Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat dan Tuan Yang Terutama selalu ada berkata, semua persatuan memberi sokongan yang penuh kepada negeri kita supaya kita boleh jayakan *nation-building projects*. Jikalau kita boleh dapat sedikit masa untuk mengadakan majlis dialog dengan pemimpin-pemimpin di dalam negeri kita, di tahun hadapan tentulah mereka boleh bagi sokongan yang penuh dan sokongan yang kuat kepada negeri kita. Jikalau sekarang kita *bulldoze Bill* ini, dan Rang Undang-Undang ini diluluskan, kita tidak bagi hormat kepada pemimpin-pemimpin dan persatuan-persatuan di dalam negeri kita. Ini juga suatu Rang Undang-Undang yang berkenaan *rules of law* di dalam negeri kita. Sebab itulah tujuan kedua saya memberi satu pindaan ialah Kerajaan boleh dapat peluang dan masa menukar fikiran dengan Bar Committee di dalam negeri kita. Jikalau kita boleh bertukar fikiran dengan Bar Committee di dalam negeri kita atau pemimpin-pemimpin di dalam Bar Committee ini kita boleh ingat baik-baik, kita boleh fikir baik-baik mana satu masa kita boleh jalankan, mana satu masa kita tidak boleh jalankan. Sayapun ada dapat tahulah di Taiping dan di Kluang, dan Yang Amat Berhormatpun sudah lupa ada juga suatu Enakmen seperti ini di Teluk Anson pada tahun 1959. Tetapi inilah iapun ada satu masa bagi orangramai timbangkan Rang Undang-Undang itu. Sebab itulah saya mohon mencadangkan suatu pindaan bacaan kedua Rang Undang-Undang ini ditangguhkan kepada suatu mesyuarat yang akan datang.

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun):** Tuan Speaker, saya mohon menyokong Usul dari Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal meminta pindaan kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Speaker, Rang Undang-Undang ini ialah suatu Rang Undang-Undang yang penting, dan mengikut kata oleh Ketua Menteri, yang kontroversi. Dan kami Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini baru dapat Rang Undang-Undang ini, saya ingat baru satu minggu yang lalu, dan kami Pihak Pembangkang di sini tidak ada cukup masa membaca Rang Undang-Undang ini; dan dalam Peraturan-peraturan Dewan Undangan Negeri inipun ada tunjuk Rang Undang-Undang mesti dibagi cukup masa untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat mengambil bahagian dalam pembahasan. Tuan Speaker, dengan izin. If all Bills, Tuan Speaker, passed, introduced by anybody in the Assembly. . . . (*gangguan*).

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Mertajam, saya ingat Yang Berhormat tidak payah baca urusan itu. Kami semua faham.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Saya tahu tapi . . . . . . (*gangguan*).

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat, bila saya bercakap hendaklah duduk.

Tetapi Yang Berhormat sudah sokong bagaimana pindaan yang diminta oleh Yang Berhormat Ong Yi How, jadi tidak payahlah Yang Berhormat membawa Standing Order dan itu dan ini. Kalau sudah sokong kami sudah faham.

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun):** Tidak panjang, Tuan Speaker.

**Tuan Speaker:** Selepas undi barulah Yang Berhormat boleh bercakap panjang.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Tetapi Tuan Speaker, sebelum mengundi tentu boleh mengambil bahagian dalam bahasan itu.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal. Saya bercakap menuju kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Bukan saya menuju kepada Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal. Kerana saya sudah beri peluang kepada Yang Berhormat bercakap, Yang Berhormat sudah habis, sila duduk. Saya tuju kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam sahaja.

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun):** Tuan Speaker, bolehkah saya bercakap sedikit. Tuan Speaker, peraturan 53—minta maaf—peraturan 54, dengan izin: "Except in the case of Bills introduced by the Government, at least one month previous notice shall be given of the intention of any member to introduce any Bill". So this Bill, although not introduced by any private member, but being of important and controversial nature, I ask the Government to defer the second reading of this Bill to a later date or to a select committee for further discussion.

And even Standing Order 59—saya minta izin lagi, Tuan Speaker:

> "The Member in charge of the Bill shall give notice of intention to move the second reading at the next or a subsequent meeting of the Assembly".

Despite the proviso there, it just shows that the draftsman of this Standing Order gives the importance of the moving of a second reading to enable every Member of the House to study and discuss the Bill in detail. That is the intention of Standing Order 59—that the notice of intention to move the second reading be made at the next or subsequent meeting. The intention is very clear there, Tuan Speaker. I am sure Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri can give an interpretation of clause 59.

Ini sahaja, Tuan Speaker, Terima kasih.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, cadangan Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal yang dapat sokongan daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Mertajam menunjukkan bagaimana wakil-wakil rakyat di dalam Dewan ini mestilah selalu bertanggungjawab yang berat. Jika Rang Undang-undang ini sesungguhnya Rang Undang-undang yang penting, bila Yang Berhormat telah mendapat Rang Undang-undang ini dan merekapun telah mendapat Rang Undang-undang ini lebih-kurang satu minggu, dan Rang Undang-undang ini telah diluluskan mengikut Peraturan 53.

Apa Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Mertajam berkata ialah kalau satu Rang Undang-undang yang dicadangkan oleh Yang Berhormat yang bukan Kerajaan lebih *important*, boleh bagi masa yang lebih panjang kepada mereka. Tetapi saya rasa semua Ahli-ahli Yang Berhormatpun telah mengikut bahasan-bahasan ataupun kontroversi-kontroversi dari luar Dewan ini dan semua juga telah bersedia untuk bersidang di Dewan Me-

syuarat ini. Dan apa yang Kerajaan fikirkan ialah jika Dewan ini bolehlah ambil satu keputusan pada masa sekarang yang lebih sesuai, dan kontroversi-kontroversi yang dijalankan di luar atau yang kacau dengan masyarakat kita boleh diputuskan, kita bolehlah terus bekerja untuk rakyat Negeri Pulau Pinang. Sebab itu saya tidak bersetuju Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal dan membangkang dengan Usul beliau.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Bolehkah saya dapat satu peluang membuat jawapan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri?

Saya ada bercakap di dalam Dewan ini masa dahulu, tujuan saya memberi cadangan saya ada dua tujuan; satu tujuan ialah kita dapat satu majlis dailog bertukar fikiran dengan pemimpin-pemimpin dan persatuan-persatuan di dalam negeri kita. Sebab itulah kalau kita boleh buat majlis dailog ini kita boleh dapat sokongan penuh dari mereka. Inilah selalu Yang Amat Berhormat ada cakap mahu kerjasama persatuan-persatuan dan pemimpin-pemimpin di dalam negeri kita, dan juga mahu dapat sokongan. Tetapi kalau tidak ada satu majlis dailog bagi Rang Undang-undang yang kontroversi dan penting dengan mereka, saya ingat lain kali mereka tidak boleh kasi sokongan macam baru-baru ini. Saya haraplah Yang Amat Berhormat pertimbangkanlah baik-baik, jikalau mahu dapat sokongan dan kerjasama dari pemimpin-pemimpin dan persatuan-persatuan di dalam negeri kita tentulah boleh tangguhkan Rang Undang-undang ini ke Mesyuarat yang kedua dan bolehlah dapat majlis dailog dengan mereka.

Juga, saya ada cakapkan tujuan kedua di mana Yang Berhormat tidak ada jawapan bolehkah dapat peluang bagi bertukar fikiran dengan Bar Committee di dalam Pulau Pinang, sebab Rang Undang-undang inipun adalah berkenaan kes-kes di dalam Mahkamah Tinggi. Sebab itulah saya ingat ini satu cadangan yang saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tentu boleh sokong supaya kita boleh di tahun hadapan mendapat kerjasama dan sokongan kuat dari pemimpin-pemimpin di negeri kita dan Ahli-ahli di dalam Bar Committee juga,

Terima kasih.

*Soalan dikemukakan dan pindaan tidak dipersetujui.*

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Yang Dipertua, saya minta *division*.

YA

Encik Ong Yi How
Encik Oh Teck Aun
Encik Ng Swee Ching
Encik C. Y. Choy.

TIDAK

Ketua Menteri
Datuk Teh Ewe Lim
Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah
Encik Khoo Kay Por
Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman
Encik S. P. Chelliah
Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar
Encik David Choong Ewe Leong
Encik Khor Gark Kim
Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh *alias* Mat Noor
Encik Tan Gim Hwa
Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali
Encik Khoo Teng Chye
Encik Wong Choong Woh
Encik Abdullah bin Mohamed
Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak
Encik T. Subbiah
Dr Choong Sim Poey
Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff
Encik Shamsuddin *alias* Md. Noor bin Ahmad
Encik Ahmad bin Salleh
Encik Lim Heng Tee.

**Datuk Speaker:** Mengikut keputusan bahagian ialah "Ya" 4; "Tidak" 22. Pindaan Usul tidak dipersetujui.

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun):** Datuk Speaker, saya bangun ingin mengucap atas Rang Undang-undang yang bertajuk Enakmen Pengesahan Kadar, tahun 1976.

Datuk Speaker, terlebih dahulu saya minta izin bercakap dalam Bahasa Inggeris di mana saya tidak boleh bercakap dalam Bahasa Melayu.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, sebelum kita memulakan Mesyuarat ini, saya ada memberi ingatan terlebih dahulu, hendaklah Yang Berhormat bercakap dalam bahasa Malaysia.

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun):** Datuk Speaker, saya tahu, saya boleh cuba.

**Tuan Speaker:** Cakap dalam Bahasa terlebih dahulu.

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun):** Tetapi di mana saya kurang fasih saya boleh cakap dalam Bahasa Inggeris?

Datuk Speaker, Rang Undang-Undang ini yang dibentangkan oleh Kerajaan ialah salah satu Rang Undang-Undang yang boleh dipanggil *scandalous* yang pernah dipersembahkan kepada Dewan Undangan Negeri ini. Prinsip-prinsip Rang Undang-Undang ini ialah *illegal* dan *immoral* dan saya pasti Rang Undang-Undang ini akan dicabarkan di Mahkamah Undang-Undang tidak berapa lama lagi. Rang Undang-Undang ini, menurut huraian Rang Undang-Undang ini, ialah bagi mengesahkan beberapa taksiran dan kadar tertentu yang telah dibuat atau seolah-olah telah di buat di bawah peruntukan Ordinan Perbandaran.

Datuk Speaker, *this scandalous Bill* tidak akan diperlukan jikalau pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang tidak menjadi cuai dan telah mengikut peruntukan-peruntukan mengenai senarai-senarai penaksiran *authenticated* bagi tahun 1976. Senarai *authenticated* begini harus dibuat pada akhir tahun 1975. Tujuan senarai *authenticated* ialah untuk membiarkan tuan-tuan rumah membangkang kepada sebarang penaksiran yang di-*impose* ke atas rumah mereka. Jikalau ini tidak dijalankan oleh pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang. Bagaimanapun tuan-tuan rumah boleh membangkang penaksiran ini? Oleh yang demikian pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang tidak boleh memaksa tuan-tuan rumah menjelaskan bayaran penaksiran jikalau mereka tidak hendak bayar penaksiran rumah mereka untuk tahun ini.

Datuk Speaker, this provision is clearly defined in Section 63 of the Municipal Ordinance which requires the assessment list to be gazetted and all objections are to be heard one year ahead. All these years the Board of Management under the ill advice of its Legal Advisers has been adopting an arm-twisting tactic to overcome its illegal acts. Ini tugas-tugas halal dan moral kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan mengikut peruntukan Ordinan Perbandaran. Mungkin dalam tahun-tahun yang lepas pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang telah mengutip hasil rumah daripada tuan-tuan rumah tanpa mengikuti beberapa peruntukan Ordinan Perbandaran dan oleh yang demikian tindakannya bukan sahaja *immoral* tetapi *illegal.* Kerajaan barangkali akan bertengkar bahawa jika Rang Undang-Undang tidak diluluskan pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan akan merugikan beberapa juta ringgit daripada hasil rumah kerana pihak itu tidak berhak mengutip hasil rumah daripada orangramai. But that is besides the point, Tuan Speaker. Saya percaya prinsip-prinsip harus diikuti.

Sir, this Bill is just a repressive attempt by the Government to cover up the mistakes and malpractices of the Board of Management at the expense of the people.

**Tuan Speaker:** Ahli Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat dari Bukit Mertajam sila tarik balik cakapan itu kerana Yang Berhormat kena memberi beberapa saksi barulah Yang Berhormat boleh kata begitu. Saya

tidak benarkan. Saya minta tarik balik.

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun):** Datuk Speaker, which word do you find offensive?

**Tuan Speaker:** Saya tidak benarkan berbahas dengan saya. Saya minta tarik balik.

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun):** Tarik balik perkataan apa, Tuan Speaker?

**Tuan Speaker:** Malpractice.

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun):** Tetapi itu adalah matter of opinion, Datuk Speaker.

**Tuan Speaker:** Saya tidak benarkan.

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun):** Baiklah, I will rephrase it. The Bill is just a repressive attempt by the Government to cover up the mistakes and wrong doings of the Board of Management at the expense of the people. Ini boleh, Datuk Speaker?

Bagaimanapun kesalahan ini telah dibuat oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan bukan oleh orangramai. Apa yang lebih mustahak ialah 25 orang ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan tidak dipilih atau dilantik oleh orangramai tetapi telah dilantik oleh Kerajaan Negeri sahaja; and most of these members Tuan Speaker, are composed mainly of depository and some patronage. The Government, in its efforts to appease certain of its Members has nominated these Members to the Board who owe no duty or responsibility to anybody except to the Chief Minister himself. Saya selalu ada meminta pilihan untuk Ahli-ahli pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan bukan lantikan. Sebelum pilihan akan diadakan sekurang-kurangnya lantiklah orang-orang yang sesuai, jujur, berusaha dan bijak menjadi ahli-ahli pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. I am not saying that all the members of the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan do not fall under this category—ada beberapa orang—but such employment should not be tinted with political influence, nepotism not favouritism. Tiap-tiap Ahli ini dibayar sebanyak $500 tiap-tiap bulan sebagai elau. Kalau kita ada lagi ahli-ahli lantikan yang menganggu pentadbiran pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, maka saya percaya kita pasti membazirkan wang rakyat dan sayapun juga mencadangkan pengurangan ahli-ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan juga perubahan semua pentadbiran di pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. There should be a general shake up of the whole administration of the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan.

Datuk Speaker, from what I understand, even the establishment list for 1976 was not passed before the presentation of the Board's budget. Saya ingin mengetahui bagaimana pihak Kerajaan Negeri boleh dapat meluluskan belanjawan Lembaga Pengurus Kerajaan dengan tidak ada senarai establishment di sini. How can the State Authority condone such an illegal act? Saya berharap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri boleh mencari satu jawapan yang baik untuk menerangkan perkara ini kepada orangramai.

Datuk Speaker, kalau Rang Undang-undang ini telah diluluskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, as is likely to be, ini akan memberi pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan satu kuasa—retrospective power—mengutip hasil rumah atau penaksiran untuk tahun ini. As if to add insult to injury, Datuk Speaker, Clause 53 kepada Rang Undang-undang ini menguatkuasakan pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan mengutip hasil rumah daripada tuan-tuan rumah pada tahun 1975 mengesahkan kadar tambahan on the new assessment. Datuk Speaker, if you say that we need to collect the money, you have made a mistake. We need the money to run the administration of the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. The people can understand this, but do not

pass the law with retrospective effect even to collect Assessment Rates on the new rate for 1975. That is a very far-fetched power given to Board.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** That is all rubbish.

**Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun):** You will have a chance to speak afterwards.

This will tantamount to nothing short of daylight robbery.

Sir, if this Bill were to be passed, as is likely to be, it will give the Board the retrospective power to collect assessments for 1976; and from the legal point of view, this Bill, kalau diluluskan oleh Dewan ini, will make the Board of Management the final Court of Appeal in any dispute over the assessment rates. In plain words, the people are now placed at the mercy of the Board. This Bill, if passed will also mean that the Board can now impose assessment rates as it chooses as the period of appeal to the Court of Law has now expired, and the passing of this Bill will set a precedent to pass any future Bill with retrospective effect.

Sir, I call upon the Government Members to consider this seriously and to defer the Bill and at least to get the opinion of the Penang Bar Committee and also the opinion of the general public as a whole before we rush into the passing of this Bill.

Akhir sekali, Datuk Speaker, this Bill, if passed is contrary to the fundamental principle of the constitution of the country and it transgresses into the very heart of the Rule of Law for which we all cherish.

In the circumstances, Datuk Speaker, I strongly oppose this Bill.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Yang Dipertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam bahasan Rang Undang-Undang ini.

Datuk Yang Dipertua, di masa dahulu, saya ada bagi kerjasama dengan Tuan Speaker, dan dapat nasihat Tuan Speaker bercakap dalam bahasa Malaysia. Tetapi berkenaan Rang Undang-undang ini, saya harap di mana-mana Datuk Speaker bagi kebenaran bolehlah saya dapat peluang bercakap dalam bahasa Inggeris juga. Sebab itu, saya minta izin jikalau mana-mana saya tidak boleh bercakap dalam bahasa Malaysia, saya minta izin Datuk Speaker bagi peluang saya bercakap dalam bahasa Inggeris. Terima kasih, Datuk Speaker.

Datuk Speaker, saya bangkang penuh dan bangkang keras Rang Undang-undang ini. Ini satu Rang Undang-undang yang jikalau diluluskan mahulah di declare *null and void* under the existing Rule of Law dalam Negeri kita. Kita boleh buang semua Rang Undang-undang dalam Negeri kita. Selalu kita boleh angkat Rang Undang-Undang *to validate* apa yang salah.

Lagi satu tujuan Rang Undang-undang ini ialah mahu *cover up* apa-apa kesalahan pihak berkuasa di dalam negeri kita atau pegawai-pegawai pihak berkuasa negeri kita yang ada buat apa-apa kesalahan. Inilah satu *Bill cover up* dan Bill ini jikalau diluluskan ialah macam Watergate cover up. It will bring down the President of the United States even. It will bring down the Members of the Government. Sebab itu saya haraplah semua Ahli Yang Berhormat dalam Kerajaan mesti ingat baik-baik. Cover up Bill ini, macam Watergate cover up, may bring down even the President of the United States.

Datuk Speaker, Rang Undang-undang ini ialah, saya fikir the most irritating Bill that has ever been brought up in this House. Ini bukan satu Bill yang mustahak. Ini bukan satu Bill *Warranted for*. Ini satu Bill yang *unbecoming*. Ini satu Bill Rang Undang-undang yang boleh destroy the whole principle of Rukunegara. Rukunegara yang keempat ialah "Kedaulatan Undang-undang" Kita ada Rang Undang-undang.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Undang, bukan udang.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Sorry, saya seorang Chinese tidak boleh cakap baik. Dalam bahasa Inggeris pun saya tidak boleh cakap baik, sebab itu saya minta maaf.

Ini satu Rang Undang-undang jikalau diluluskan akan destroy the whole idea of creating a just and equitable society, satu masyarakat yang adil dan saksama. Ini Rang Undang-undang yang tidak adil. Mana prinsip mahu beri satu masyarakat yang adil dan yang saksama? Inilah Bill that is going to destroy the faith and confidence the people had all these years in the Government and the elected Members of this Assembly. Ini satu Rang Undang-undang ialah making a mockery of the law. Saya tahu tuan tidak bersetuju tetapi tuan boleh jawab di masa hadapan. Kita di dalam beberapa bulan masa dahulu kita ada dengar banyak orangramai dalam negeri kita membangkang new assessment list ini. Tuan-tuan dalam negeri kitapun ada bercakap susah jikalau new assessment list ini boleh diluluskan. Jikalau Bill ini diluluskan di dalam Dewan ini, it will create confusion, unrest and disturbance of the peace of mind of the people of the State.

Siapa engineer belakang Rang Undang-undang ini? Ia adalah seorang yang frivolous. Ini seorang yang saya ingat mempunyai kepala yang tidak baik. (*ketawa*). Ini satu Rang Undang-undang betul tidak adil dan tidak betul dan against the will of all the Penang people. Dan ada satu jawatankuasa berkenaan new assessments yang Pengerusi Jawatankuasa ialah seorang pemimpin M.C.A. Hari inilah saya rasa *confusion.* Apa M.C.A. *member* boleh sokong penuh Rang Undang-Undang ini, lagi seorang pemimpin M.C.A. di dalam Dewan Rakyat membangkang Rang Undang-undang ini.

**Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Gark Kim):** Tidak betul.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Yang Dipertua, kalau kita baca Section 61 dan 63, Municipal Ordinance, S.S. Cap. 133, kita boleh dapat tahu adakah Rang Undang-undang definite and clear-cut rules governing the procedure and power for the Local Authority to prepare an assessment list imposing charges, collecting all recovering rates for the taxpayers in the manner provided by Part 7 Ordinan itu. Hari ini Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang ada buat *assessment list* yang tidak mengikut undang-undang Ordinan itu. Ini adalah kesalahan pihak berkuasa Kerajaan itu sebab, oleh kerana pihak berkuasa buat salah, kita buat satu Rang Undang-Undang di dalam Negeri kita. Apa dia buat salah kita *validate* dia buat betul? Jikalau ini kita boleh buat Rang Undang-Undang semacam ini *to cover up* siapa buat salah tiap-tiap tahun, tiap-tiap hari semua pihak berkuasa di dalam Negeri kita boleh buat salah, boleh buat apa dia suka; habis, kita di sini boleh buat satu Rang Undang-Undang *to cover them up.* Macam itu macamana? How can we win the faith and confidence of the people in our State? We in this country are governed by the Rule of Law and we should respect all the existing Rule of Law and if anybody goes against the Rule of Law, even I myself, if I do not pay my parking fee, will be fined $50. Kalau Yang Amat Berhormat buat salah against the traffic rules, dia juga boleh ditangkap under the Rule of Law. Selalu di dalam Negeri kita tentu mahu ikut Rule of Law, tetapi Lembaga Pulau Pinang tidak ikut Rule of Law 61 dan 63. Sekarang kita buat satu Rang Undang-undang mahu validate. Ini tidak betul. Lain kali kita ambil contoh Yang Amat Berhormat mahu lawan sama lain orang. Ini salahlah, tetapi kita buat satu Rang Undang-undang ini *validate* dia tidak bersalah. Dia boleh lawan sesiapun. Ini tidak betul dan tidak patut.

Datuk Yang Dipertua, Fasal 7 Rang Undang-undang ini will declare Section 68 of the Ordinance null and void. Sebab apa? Section 68 Ordinan itu ada tersebut—bolehkah saya baca Section 68 dalam bahasa Inggeris—"Any person aggrieved by the assessment of any house, land, building or tenement may

appeal against such assessment to the High Court"; tetapi Fasal 7 Rang Undang-undang ini ada mengatakan, "No legal proceeding of any kind whatsoever shall lie, be instituted or maintained in any court against any local authority, officer or other persons purporting to be in exercise of any power conferred by the Ordinance and in furtherance or in consequence of the making of any assessment or any imposition, charge, collection or recovery of rates for any year purporting"—this is the word we have to remember—"to have been made in accordance with the provision of the Ordinance prior to the commencement of this Enactment." No legal proceeding whatsoever.

Inilah suatu Rang Undang-undang yang memberi satu *idea* kepada orangramai. We are going to undermine the dignity, the power and the jurisdiction of the High Court. Sebab apa? Saya ada dapat tahu ada dua kes-kes sekarang *pending hearing* di dalam High Court. Jikalau mengikut Ordinan 68, High Court Judge *ada* jurisdiction *boleh* hear those two cases. Now, according to this one, the High Court Judge has no jurisdiction to hear these two cases. So, mana Ordinan dan mana rule yang High Court Judge mahu ikut? Jikalau mahu *introduce* Rang Undang-undang itu kita tentu mahu *repeal* Ordinan 68 sebab High Court Judge tidak boleh ada kuasa hearing the case. So this is going to leave the High Court Judge—if this Bill is passed—at the crossroad. He would not know whether he is going to follow this one or the other one unless this one is *repealed* so that he can follow this one. I would like to hear your explanation from the point of law because I am anxious that you will give your opinion and the point of law to me because I am not in the profession. I only hear from outside.

Datuk Yang Dipertua, Fasal 3 (2) memberi kuasa penuh kepada Lembaga. "The local authority may prepare separate assessment lists in respect of different parts within the local authority". This is very big power we give to the local authority and it will give rise to corrupt practices and it will give rise to favouritism. Sebab apa? Sebab jikalau Lembaga suka orang yang bertempat di kawasan A, dia boleh beri satu assessment list bagi cukai murah. Jikalau dia tidak suka orang di kawasan B, dia boleh beri assessment list bagi cukai pintu mahal, which is too big a power. Ini kuasa cukup besar. Kita beri lembaga kuasa yang cukup besar dan diapun tidak boleh appeal to the High Court.

Datuk Yang Dipertua, semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini ada dapat tahu L.P.K.T. Pulau Pinang ialah telah berkata ia mahu buat revaluation of house assessment. Semua orang di dalam Negeri kita ada bangkang kuat. Sebab itu satu pemimpin di dalam M.C.A. ada *organize* satu jawatankuasa membangkang. Suratkhabarpun have shown that people are all against this revaluation or preparation of assessment lists. So there are wide cries and protests in every corner of the streets of Penang. There is a great deal of unrest, confusion and disturbance of peace everywhere. Semua tempat ada *protest*. Semua tempat ada cakap tidak betul. *So* saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Kerajaanpun boleh tahu tentang protests and wide cries among our orangramai. Now jikalau Rang Undang-undang ini diluluskan di sini adalah *unrest, confusion* dan *instability* dan Kerajaan lagi buat susah orangramai. This Bill will really create confusion, unrest and disturbance of peace in our country. Sayapun ada dapat tahulah Lembaga di dalam Seberang Perai tidak mahu terima cukai pintu tahun ini dan tahun 1975. Sebab apa dia tunggu satu new assessment list? Dia boleh buat tetapi dia boleh pandai sedikit. Tetapi diapun tahu Ordinan 61 dan 63 tidak ada kuasa beri suatu new assessment. Sebab itu L.P.K.T. di dalam Seberang Perai tidak terima cukai pintu di bayar tahun dahulu. Dia mahu tunggu new assessment list coming out kerana dia boleh angkat wang lebih banyak. Sayapun ada dapat tahu pegawai-pegawai di dalam Lembaga itu bercakap satu rumah haram kecil selalu bayar $3 atau $4 setahun; sekarang Lembaga mahu $40 atau $60

satu tahun. Penduduk-penduduk yang duduk di rumah haram itu adalah orang-orang yang miskin dan banyak pula bumiputra. Satu hari dia boleh untung cukup makan sahaja. Jika kita menaikkan cukai pintu di dalam Seberang Perai bagi rumah haram sana, saya takutlah. This is against the very principle of creating a new economic policy. So Datuk Yang Dipertua, saya haraplah Ahli Yang Berhormat sebelah sana boleh ingat orang-orang miskin duduk di rumah haram di dalam kampung-kampung Seberang Perai dan Pulau Pinang tidak ada banyak wang untuk membayar $60, atau $40 satu tahun. Jikalau Rang Undang-undang diluluskan orang miskin akan menjadi lagi miskin dan orang kaya tidak kena kerana dia ada wang banyak.

So, I strongly urge the Government to listen to the cries and views of our own people and withdraw this Bill right now, or defer it. If the Government stubbornly insists to bulldoze through this Bill, it will irritate our people to such an extent that they cannot bear it any further. The people will feel that they are criminally threatened and assaulted by the Government under the protection cover up or the "Watergate" cover up of the law.

Datuk Yang Dipertua, masa saya dapat Rang Undang-undang itu saya ada sakitlah di dalam Hospital Besar. Saya ada *ulcer*—dia *mahu operate*. Saya kata saya tentu mahu keluar sebab saya mahu dapat masa supaya saya boleh jumpa dan bertukar fikiran dengan *prominent lawyers* dalam negeri kita. Datuk Yang Dipertua. Doktor-doktor di Hospital Besar telah memberi kerjasama dan *discharge* saya. He obliged me so that I could come out to seek some legal opinion about this Bill. Sebab itu, yesterday afternoon, my back was feeling very painful.

Datuk Yang Dipertua, inilah satu *legal opinion* saya ada dapat di sini. Saya harap saya boleh minta kebenaran membaca legal opinion ini dalam bahasa Inggeris. Ini satu *legal opinion* yang closely connected with this Bill.

**Tuan Speaker:** Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal, adakah panjang *opinion ini?*

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Tidak panjang, ini sahaja.

**Tuan Speaker:** Lima minit boleh habis?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Boleh.

"(1) This Bill if passed may be illegal itself for two reasons:

(*a*) How can a legislature legalise a purported act? It has to be a defined act or acts;

(*b*) Can the legislature legalise an illegal act? In other words can the legislature legalise the contravention of certain rules, regulations and procedings as laid down in the Municipal Ordinance S.S., Cap. 133 in respect of assessment and rates. If an enactment or the rules and regulations of such an enactment is obsolete then the proper procedure is to repeal or to amend the said enactment.

(2) In all democratic institutions a person aggrieved by an act of the Executive organ can have recourse to the courts to challenge the legality of an act or under the principle of ultra vires (beyond its powers) and it is up to the courts to decide the issue. This Bill seeks to protect the legal authority and its servants from legal proceedings of any kind whatsoever in respect of assessments and ratings. This Bill is regressive, oppressive, arbitrary and in total disregard to the wishes and opinions of the general public.

(3) All penal statutes or statute imposing, levying or collection of rates and taxes should be construed strictly against the imposing, levying or collecting body in favour of the general public and never retrospective unless Parliament so otherwise provides in such clear terms. The local authority, being a subordinate body, therefore likewise cannot pass legislation imposing a charge on the general public with retrospective effect.

(4) This Bill, if passed, would create a precedent for other local authorities including the State of Penang for not complying with enactments, legalise illegal acts, provide immunity for offenders and passing legislation imposing a charge on the general public with retrospective effect."

Ini legal opinion saya ada dapat ialah berkenaan Bill ini.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, berikut peraturan itu, dengan izin: Can the Honourable Member dari Kawasan Bagan Jermal bagi nama penasihat *legal* opinion ini?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Mengikut peraturan mana? This is a lawyer who is giving me this legal opinion. How can you ask for the source of the legal opinion? Saya tidak faham apa yang Amat Berhormat mahu tanya. Mana boleh ia tanya itu?

**Tuan Speaker:** Yang Amat Berhormat minta sebab Yang Berhormat dari Bagan Jermal bagi tahu ini *legal opinion* seorang lawyer, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal menjawab permintaan Yang Amat Berhormat.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Tidak ada peraturan untuk meminta siapa bagi *legal opinion.*

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Ini permintaan sahaja sebab kita mahu tahu *legal opinion*—mahu dapat tahu sahaja. Ada banyak *lawyers* daripada Lincoln's Inn, Inner Temple, Middle Temple etc., tapi *lawyer* ini dari mana?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Di bawah peraturan apa Yang Berhormat bercakap? Datuk Speaker, kalau mahu cakap, ada dua cara: (1) Mengikut aturan dia boleh bangun bercakap. (2) Meminta keterangan di mana saya boleh *give way* dia bercakap. Sekarang apa? Peraturan mana?

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, berikut peraturan 47 saya minta keterangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal. Ini *legal opinion* siapa?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Saya boleh bagi nama itu tetapi saya tidak mahu bagi sebab saya tahu ini satu *tactic* Yang Amat Berhormat selalu ambil mahu *victimise* orang itu. Saya takutlah orang ini . . . . (*gangguan*).

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya minta Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal *withdraw.* Ini bukan *tactic* mahu victimise sesiapa. Kita mahu dapat keterangan sahaja dari mana *legal opinion* itu. Kalau apa yang dibaca oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal satu *imagination* dia atau apa-apa yang tidak terdapat, tetapi di sini dia kata ini *legal opinion.* Ini *legal opinion* siapa?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Yang Dipertua, saya withdraw the word "victimise" tetapi saya haraplah ini saya ada kuasa. Saya tidak boleh tulis semacam ini. Ini seorang *lawyer* sahaja boleh tulis macam ini.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Datuk Yang Dipertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal tidak dapat memberikan nama peguam itu, saya minta Ahli Yang Berhormat tarik balik *opinion* yang telah dibacakan, kita di sini mesti mengikut *opinion* daripada Penasihat Undang-undang Negeri.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Saya mahu minta Penasihat Undang-undang Negeri beritahu jikalau saya ada kuasa to refuse to give the name of the man who gave me the information.

**Penasihat Undang-Undang:**

Datuk Speaker, saya ditugaskan oleh Undang-undang untuk menasihat Dewan Undangan Negeri ini. Jadi tidak ada lawyer lain yang boleh memberi nasihat walaupun sekiranya Ahli Yang Berhormat itu seorang *lawyer.* Samada Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal patut memberi nama lawyer

yang telah memberi nasihat kepada beliau itu, itu terpulanglah kepada kebijaksanaan beliau sendiri untuk memberi bukti di sini supaya Ahli-ahli di sini dapat memikirkan samada nasihat itu *reliable* atau tidak. Kalau beliau sendiri simpan nama penasihat itu, itu bolehlah kita anggap bahawa pendapat itu ialah pendapat beliau sendiri.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Ini bukan satu *legal opinion* (*Ketawa*). Logic. Kita mahu tanya adakah undang-undang atau peraturan-peraturan?

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** You have been misleading the House.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** I do not want to disclose the name of the person who gave me that opinion, whether it is a legal opinion or other opinions or other ideas or information. Have I to disclose if somebody gives me the information to say that certain people do certain things and I say it in the Assembly? Do I have to give the name of the person?

**Penasihat Undang-Undang:**

Tidak payah, tidak payah disclose, tetapi soal orang hendak percaya atau tidak, itu terpulanglah kepada Yang Berhormat sendiri memikir hendak beri ataupun tidak. I hope you understand me.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** I really do not understand you. I am very sorry. Tolong ulang balik dalam Bahasa Inggeris.

**Penasihat Undang-Undang:**

Izinkan saya, Datuk Speaker, untuk bertutur dalam bahasa Inggeris untuk kesenangan beliau.

It is not necessary for you to disclose the source of information or opinion but it is within your discretion. If you want the Honourable Members to believe so that the opinion has some weight, then you may on your own accord disclose the name and source. So it is up to you. I hope you understand.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Yang Dipertua, this is very clear; I refuse to disclose the name of the person who gave me the legal opinion because I am merely afraid of the consequences that lawyer may have to face. And then also, I do not have his consent to disclose his name here. But if you want me to disclose the name of this lawyer, boleh. The next time I come to this Assembly I will get the consent of this lawyer and I will give you his name. Before I get this consent I cannot give you his name.

Are you going to stand under Standing Order or keterangan?

**Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim):** Minta keterangan. Saya mahu tanya Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal adakah tidak mendapat kebenaran dari penasihat itu?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Ya. Datuk Yang Dipertua, Jikalau Kerajaan mahu *bull-doze* Rang Undang-Undang ini di dalam Dewan ini, saya hendak *quote* apa Yang Amat Berhormat selalu ada cakap di dalam Dewan ini. Give you enough rope to hang yourself.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Small man.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** You can call me anything you like. This is giving you a very strong tough rope to hang yourself. Saya akan meminta *division* jikalau Bil itu dibacakan bagi kali yang ketiga. Saya haraplah semua Ahli-ahli di dalam Dewan ini search your conscience if you say yes or no. Sesiapa sokong Bil ini macamanalah dia boleh jumpa dengan rakyat for whom they represent. How are they going to face their people?

Datuk Yang Dipertua, saya haraplah Kerajaan boleh withdraw whip from the Government; so let everybody search their conscience and vote according to their conscience. This is the best way to let everybody decide

what they think about the Bill. So I hope the Government will withdraw the whip.

Lastly I warn the Government that if this Bill is bulldozed through, I am going to High Court to obtain an injunction.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Keep your word.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** I myself will go to the High Court to obtain an injunction for this Bill, and then the name of the lawyer who gave me this opinion will be known.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Keep your word.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** I will keep my word.

So Datuk Yang Dipertua, saya bangkang penuh, keras dan kuat Rang Undang-Undang ini. Saya tahu Bil ini tidak adil dan tidak betul. Sebab itu saya mengucapkan terimakasih kepada Tuan Speaker.

*Dewan ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.*

*Dewan bersambung semula pada jam 11.48 pagi.*

**Penasihat Undang-Undang:**

Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bangun di sini hanya untuk memberi penjelasan di atas dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal.

Perkara pertama ialah, beliau telahpun berkata bahawa Clause 7 Enakmen ini adalah bercanggah ataupun berlawanan dengan peruntukan dalam Seksyen 68 (1), *Municipal Ordinance* S.S. Cap. 133. Pada pendapat saya pendapat itu adalah tidak betul, iaitu Clause 7 tidaklah berlawanan dengan Seksyen 68 Ordinan Perbandaran Bab 133. Clause 7 bertujuan untuk mengecualikan lembaga-lembaga, pegawai-pegawai lembaga dan juga mana-mana pegawai daripada dibicarakan di dalam Mahkamah di atas perjalanan kuasa-kuasa semasa menyediakan penaksiran tersebut. Walhal, Seksyen 68 Ordinan tersebut membenarkan sesiapa yang tidak puas hati dengan penaksiran atau *assessment* yang dibuat oleh Lembaga merayu kepada Mahkamah Tinggi, tetapi dengan tiga syarat. Syarat yang pertama ialah cukai itu mesti dibayar terlebih dahulu. Syarat kedua, ia mestilah memasukkan bantahan atau *objection* mengikut undang-undang ini iaitu to exhaust the local remedy first. Syarat ketiga ia kenalah memasukkan rayuan dalam Mahkamah Tinggi dalam masa 10 hari selepas rayuan itu ditolak oleh Lembaga. Jadi itulah sebab yang dikatakan bahawa Clause 7 tidak bercanggah dengan Seksyen 68 Ordinan itu. Oleh yang demikian Ordinan itu tidaklah perlu dipindakan.

Perkara yang kedua dimana beliau telah berkata bahawa beliau akan mengambil *injunction* jikalau Bil ini diluluskan. Di sini untuk maklumat beliau, tidaklah boleh ia membuat demikian terhadap Assembly tetapi beliau bolehlah membawa kes ini ke dalam Mahkamah memohon satu *declaration* kepada Mahkamah bahawa undang-undang ini dibuat oleh Dewan Undangan Negeri ini mengikut kuasa yang tidak diberi oleh Perlembagaan Persekutuan tetapi beliau boleh, kalau beliau mahu, selepas undang-undang diluluskan meminta *injunction* daripada High Court supaya Lembaga itu tidak boleh menjalankan kerjanya. Tetapi ini juga terpulanglah atas merits of each case.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** It is for the High Court to decide?

**Penasihat Undang-Undang:**

Ya, on the merits of the case.

Datuk Speaker, pada pendapat saya lagi, bahawa Dewan Undangan Negeri ini mempunyai kuasa mutlak untuk meluluskan Rang Undang-Undang ini kerana Section 74, Perlembagaan Malaysia membenarkan Undangan Negeri membuat undang-undang di atas perkara-perkara yang disebutkan di dalam 9th Schedule of the State List, di bawah

perkara 4 yang berbunyi: "Kerajaan Tempatan luar daripada Wilayah Persekutuan"—dalam bahasa Inggeris, Local Government outside Federal Territory—"berkenaan pentadbiran Kerajaan Tempatan dan juga kutipan cukai pintu dan lain-lain lagi". Jadi di sini pastilah bahawa Dewan Undangan Negeri ini berkuasa membuat undang-undang tersebut. Berkenaan dengan Bil ini samada adil—maknanya tidak *illegal*—atau tidak adil, di sini saya sukalah menerangkan bahawa undang-undang itu ditujukan kepada semua manusia di dalam Negeri ini sama setaraf, tetapi kalau undang-undang itu akan memberi munafaat atau nikmat kepada segolongan besar rakyat undang-undang itu adil walaupun kecil bilangan rakyat tidak puas hati.

Saya harap Yang Berhormat Ahli dari Bagan Jermal faham bahasa Melayu saya. Kalau tidak saya akan beri dalam bahasa Inggeris. Faham atau tidak?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Tidak penuh. (*ketawa*) Saya faham apa Yang Berhormat cakapkan tetapi masa saya datang sini tadi Yang Berhormat sudah cakap sebab itu saya faham juga tetapi perkara ini saya ingat kuasa Mahkamah Tinggi. Dia boleh buat keputusan jikalau kita diampun, tidak faham. It is for the High Court to decide.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching):** Datuk Speaker, saya ambil peluang ini berbahas Rang Undang-Undang di sini di dalam Dewan dan saya tidak sangka Ahli-ahli di sebelah sana semua boleh sokong Bil yang dibawa tadi boleh jalan terus dan diluluskan. Inilah, Datuk Speaker, di sini juga saya hendak bangkang Bil ini.

Datuk Speaker, saya ingin membangkang akan satu Rang Undang-Undang yang dikemukakan oleh Dewan ini, iaitu Rating Validation Enactment 1976. Kegiatan Lembaga Pulau Pinang itu memang tidak sah dan tidak dapat diamalkan kerana ia bertentangan dengan Undang-Undang Perbandaran (Municipal Ordinance).

Rakyat Pulau Pinang amat memerhatikan pimpinan Ketua Menteri berkenaan dengan perkara yang tersebut di atas. Datuk Speaker, walaupun Rang Undang-Undang itu akan bertentangan dengan Undang-Undang Perbandaran, namun demikian, Kerajaan Pulau Pinang masih memberi sokongan pada Lembaga itu dan Kerajaan tidak hendak mengambil perhatian dan terus menjalankan kegiatan yang tidak pernah didengar di negeri-negeri yang demokratik. Sebagai sebuah negeri yang demokratik, Kerajaan dan rakyat kita perlu patuh kepada Rukunegara. Satu daripada lima prinsipnya ialah Keluhuran Perlembagaan. Ini menunjukkan kegiatan Kerajaan Negeri telah melanggar Rukunegara serta melarikan dari pihak yang meninjau kegiatan yang tidak sah itu.

Datuk Speaker, jika Kerajaan Negeri ingin mengemukakan Bil itu, ia harus adakan perubahan dalam Undang-Undang Perbandaran lebih dahulu. Tetapi ini akan susah sangat kerana Kerajaan Persekutuan akan memerlukan keterangan tentang perlanggaran undang-undang oleh Kerajaan Negeri. Tindakan Kerajaan Negeri ini akan dipandang sebagai tidak mematuhi undang-undang yang dasar, dan menjadikan pertentangan antara Undang-Undang Persekutuan dengan Undang-Undang Negeri.

Oleh yang demikian, saya merayu supaya Kerajaan Persekutuan tidak izinkan kelulusan Rang Undang-Undang itu. Rayuan saya ini adalah untuk memperlindungi hak rakyat. Sebenarnya, kita hanya boleh anggapkan Rang Undang-Undang itu sebagai sesuatu yang sia-sia sahaja.

Datuk Speaker, baru-baru ini dalam suratkhabar ada memanggil Ahli-ahli dalam Dewan kena fikir baik-baik akan Undang-Undang itu. Maka saya juga fikir Rang Undang-Undang ini tidak patut dan tidak sah dalam Dewan ini. Itu saya bangkang kuat sekali dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy):** Datuk Speaker, dalam ucapan saya sekarang barangkali saya tidak boleh bagi keterangan

satu atau dua points dalam bahasa Malaysia, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Datuk Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini pada mula pertamanya adalah tidak betul dan salah dari segi hakikatnya. Rang Undang-Undang ini adalah dengan tujuannya hendak mengesahkan beberapa penaksiran dan kadar-kadar tertentu yang salah yang dilakukan oleh pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang dari sejak beberapa tahun dahulu, dan apa yang lebih dahsyatnya lagi ialah Rang Undang-Undang ini ialah untuk membenar atau mengesahkan kutipan kadar-kadar itu.

Nampaknya Rang Undang-Undang ini ibaratnya adalah hendak melakukan dua kesalahan lagi dalam usaha hendak membetulkan satu perkara. Datuk Yang Dipertua, this Enactment is a case of doing two wrong things to make one thing right, because in the first place, the valuation is already wrong and now we are passing this Rating Validation Bill to make the wrong thing right. That is why I say "doing two wrong things to make one thing right." Oleh yang demikian marilah kita bertenang dan berfikir sedalam-dalamnya kerana hal ini sangat merumitkan. Is the L.P.K.T. Pulau Pinang now seeking shelter behind the Honourable the Chief Minister's cloak, in its present dilemma? Or is it the other way round?

By this Enactment, is the Honourable Chief Minister endeavouring to shield the illegal acts of the L.P.K.T., Pulau Pinang, which are now exposed to the ratepayers?

Sebagaimana jika dipandang dari segi atau sudut yang lain, dan jika Rang Undang-Undang ini diluluskan ini bermakna negeri-negeri lain pula akan mengambil kesempatan untuk mengikut Rang Undang-Undang ini untuk menutup kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan atau yang akan dilakukan dari semasa ke semasa.

Jika demikian maka saya menaruh harapan dan kepercayaan kepada Kerajaan Pusat untuk meneliti dan memeriksa demi keadilan.

Sebagai penutup maka saya suka memberitahu yang saya adalah memperolehi mandat dari sebilangan sebanyak 190 kesatuan-kesatuan yang berdaftar di Bandaraya ini selain daripada 4,911 orang selaku pembayar cukai di Pulau Pinang untuk menyuarakan bantahan dengan sesungguh-sungguhnya atas perlaksanaan Rang Undang-Undang ini yang hanya semata-mata dengan tujuan hendak menghilangkan hak mutlak pembayar-pembayar cukai.

May I have your permission to speak in English? I hold a mandate from more than 190 registered associations, besides 4,911 individual ratepayers in Penang Island to voice their protests vehemently against this vexatious Enactment, which aims to take away the vested rights of the ratepayers.

Dengan itu saya menyatakan yang saya bersungguh-sungguh membantah atas Enakmen Pengesahan Kadar, 1976 ini.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Datuk Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Enakmen Pengesahan Kadar, 1976, satu Enakmen sepertimana tersebut dalam kepala Rang Undang-Undang bagi mengesahkan beberapa penaksiran kadar tertentu yang telah dibuat atau seolah-olah telah dibuat di bawah peruntukan-peruntukan Ordinan Perbandaran N.S. Bab 133 atau Municipal Ordinance S.S. Cap. 133.

Datuk Speaker, saya menyokong Rang Undang-Undang ini dengan beberapa sebab yang akan saya huraikan. Sejak mulanya penilaian cukai rumah telah dibuat oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dalam pertengahan tahun lalu, perkara ini telah menjadi satu perkara yang hangat dibincangkan oleh—boleh dikatakan—semua gulungan rakyat dalam Negeri Pulau Pinang ini. Ada kalanya perbincangan-perbincangan ini tidak berasas kepada kenyataan yang sebenarnya atau telah sengaja di putarbelitkan dengan maksud yang tertentu. Pagi ini juga kita telah mendengar dari Pihak Pembangkang mengatakan kenyataan yang tidak tepat atau kita

katakan dalam bahasa Inggeris half-truths and twisted and misrepresented statements and facts which are fully based on sheer ignorance of the issue which are under debate in this organised House. Datuk Speaker, ini adalah perkara biasa daripada Pihak Pembangkang yang tidak bertanggungjawab.

Datuk Speaker, tujuan besar untuk penilaian semula oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang ialah untuk menyelaraskan suatu senarai cukai perumahan yang menasabah dan seragam atas nilai-nilai harta di Pulau Pinang dan kita semua, Datuk Speaker, bersetuju bahawa nilai harta untuk *assessment* yang ada sebelum tahun sudah atau tahun ini tidak mencerminkan nilai harta pada masa sekarang. Di sini saya suka menegaskan bahawa bantahan-bantahan yang dibuat bukan sebenarnya daripada gulungan rakyat biasa tetapi ialah daripada mereka yang sebilangan kecil yang mempunyai harta dan yang telah menikmati bayaran cukai yang sangat rendah dan telah mendapat *concession* beberapa puluh tahun yang lalu. Pada pendapat saya, Datuk Speaker, kebanyakan rakyat terutamanya di luar bandar menyokong penilaian semula cukai tersebut.

Datuk Speaker, saya tidak bersetuju dengan pendapat yang sengaja hendak mengelirukan fikiran orang-orang ramai, iaitu dengan penilaian semula cukai perumahan maka tuan-tuan rumah dengan sewenang-wenangnya akan naikkan sewa rumah mereka oleh kerana pihak penyewa dilindungi oleh Lands Tribunal. Jadi, Datuk Speaker, alasan ini hanya satu alasan yang kosong.

Datuk Speaker, selama ini boleh dikatakan rakyat Pulau Pinang adalah terlibat di dalam cara kutipan cukai rumah yang tidak mengikutkan peruntukan-peruntukan Municipal Ordinance according to the letter of the law oleh sebab bukan mereka menganggap cukai-cukai tersebut adalah menasabah atau *fair assessment*. Sebaliknya cukai-cukai tersebut terlalu rendah dan nilai harta merekapun tidak mengikut market value at the material time. Jadi untuk membetulkan *irregularities* ataupun bukan kesalahan atau kesilapan yang dibuat oleh L.P.K.T., maka Kerajaan Negeri membawa Rang Undang-Undang supaya cara-cara kutipan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Datuk Speaker, jangan Dewan ini salah anggap bahawa dengan kelulusan Enakmen ini maka Dewan ini sudah bersetuju dengan kadar cukai 28% atau with an assessment rate of 28% yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Rang Undang-Undang ini untuk dipertimbangkan di dalam Dewan Undangan Negeri ialah, seperti apa yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, untuk mengesahkan beberapa penaksiran dan kadar tertentu. Datuk Speaker, ada setengah-setengah gulungan yang berkata Rang Undang-Undang ini adalah *immoral* ataupun yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Pekan Bukit Mertajam *scandalous*. Saya ingin mengetahui dari pihak Pembangkang apakah yang *immoral* di atas apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri? Jikalau berdasarkan *argument* kita dari segi adakah tindakan ini *moral* ataupun *immoral* ataupun *highly improper* ataupun *illegal*, maka saya ingin mengesahkan di sini bahawa perbuatan ini adalah bertanggungjawab untuk menyelamatkan rakyat Pulau Pinang dan satu perkhidmatan yang perlu atau dikehendaki oleh rakyat seperti Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang adalah satu perbuatan yang paling *moral* dan *responsible*.

Saya, Datuk Speaker, menganggap pihak-pihak yang membangkang Rang Undang-Undang ini semata-mata suka melihat Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan hancur dan dengan itu rakyat akan menerima kesusahan yang buruk dan pihak pembangkang dapat menangguk di air yang keroh. Datuk Speaker, inilah satu keadaan yang ditunggu-tunggu oleh anasir subversif yang suka melihat negeri ini dan negara Malaysia kucar-kacir.

Akhirkata, Datuk Speaker, saya menafikan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Pekan Bukit Mertajam bahawa Rang Un-

dang-Undang ini memberikan kuasa muktamat kepada Lembaga. Saya berharap pihak pembangkang telah mendengar penjelasan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang bahawa Dewan ini adalah kuasa untuk membuat Rang Undang-Undang ini mengikut Artikel 74 (2) Perlembagaan Malaysia.

**Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khor Gark Kim):** Datuk Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini mengenai Rang Undang-Undang Pengesahan Kadar, 1976.

Pelaksanaan semula yang dibuat oleh L.P.K.T., Pulau Pinang semenjak pertengahan tahun 1975 kononnya telah membangkitkan banyak kontroversi di antara rakyat-jelata di Pulau Pinang. Hampir-hampir setiap hari, issue ini dikemukakan dalam akhbar, dalam perbincangan kedai kopi dan lain-lain pengumpulan peribadi. Kita telah mendengar pengaduan dan bantahan. Kita telah diberitahu sungutan dan kesusahan. Kita telah juga menjumpai banyak akibat-separuh, fakta-fakta dan angka-angka yang dipersembahkan dengan buruk serta pemutar-balikan fakta. Oleh kerana *issue* ini dikemukakan dalam Dewan ini, saya berharap ianya boleh diatasi supaya satu keputusan betul boleh diambil dalam kepentingan terbaik bagi rakyat jelata, negeri dan negara, dan bahawa rakyat jelata di Pulau Pinang boleh mempunyai satu pemahaman yang lebih baik tentang *issue* ini dalam perspektif wajarnya.

Datuk Yang Dipertua, tujuan utama Perlaksanaan Penilaian-Semula ini, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan telah menerangkan, ialah untuk mendapati satu penilaian wajar dan konsisten untuk harta-harta di Bandaraya Georgetown, bertujuan mencapai satu keseragaman yang lebih besar dan mengurangkan kepincangan dan ketaksamarataan. Kepincangan dan ketaksamarataan telah dibangkitkan dengan separuhnya oleh kerana tidak terdapat satu perlaksanaan penilaian-semula yang wajar bagi harta-harta semenjak tahun 1959. Semasa kala 16 tahun ini, nilai-nilai harta telah meningkat dengan pesat dan banyak harta baru telah dibangkitkan. Misalnya, sebuah rumah berderet dikenakan satu penaksiran kira-kira $350, sedangkan untuk sebuah rumah berkembar yang lebih baik dan yang didirikan 5 tahun lalu dan juga diduduki oleh pemiliknya, penaksiran sebelum ulangkaji ialah hanya kira-kira $250.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Di atas peraturan berkenaan baca ucapan, nampak saya lima minit beliau baca tidak tunjuk kepada Tuan Speaker, sekalipun tidak. Dia baca satu-satu. Kalau dia baca pendek ini tidak mengapa, tetapi dia baca tidak tunjuk kepada Tuan Speaker. Saya haraplah Tuan Speaker boleh angkat keputusan itu. Saya baca, tetapi saya tunjuk Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khor Gark Kim):** Ini mendatangkan ketakadilan, oleh kerana bukan sahaja rumah berderet ialah lebih murah dan boleh mendapati hanya satu penyewaan yang lebih rendah, tetapi penghuninya juga tidak menerima sebarang perkhidmatan yang lebih banyak daripada Kerajaan Tempatan berbanding dengan penghuni-penghuni rumah berkembar.

Akibat kepincangan dan ketaksamarataan ini, didapati pengaduan dan kesedihan. Kelambatan lanjutan bagi perlaksanaan penilaian segala ini akan hanya melanjutkan keadaan tidak adil ini dan tidak akan membantu menyelesaikan masalah itu sekali. Juga, adalah mungkin bahawa sementara ekonomi menjadi lebih cemerlang, *trend* inflasi akan dengan lambatnya bermula semula dan satu perlaksanaan penilaian semula yang dilewatkan akan hanya mengakibatkan dalam nilai-nilai tahunan yang lebih tinggi, dan lantaran itu penaksiran yang lebih tinggi untuk rakyat jelata membayar.

L.P.K.T., Pulau Pinang mesti dipuji, lantaran itu, oleh kerana ianya mempunyai keberanian menjalankan usaha ini untuk menjalaskan kekeliruan yang tertinggal untuk begitu lama, walaupun prospek tertentu untuk menjadi amat tidak *popular*. Sepertimana Perdana Menteri baru kita telah menyata-

kan kita mesti bersedia menjalankan kewajipan-kewajipan kita yang mungkin merupakan tak sedap dan tidak popular.

Keperluan penilaian semula ini dan kepincangan dan ketidaksamarataan lalu ialah, malangnya, tidak diterangkan dengan memadai kepada rakyat jelata sebelum seluruh perlaksanaan penilaian semula dijalankan. Kesilapan oleh L.P.K.T. itu supaya menyediakan dirinya sendiri dengan wajarnya dan sesuainya bagi perlaksanaan itu, telah sebenarnya menyumbangkan kekeliruan tiba-tiba dan keadaan mencemaskan dalam orangramai.

Bagaimanapun, Datuk Speaker, kalau kita mengkaji dengan lebih teliti dan lebih adil mengenai seluruh perlaksanaan oleh L.P.K.T. itu, terdapatlah setengah prinsip-prinsip asasi yang ianya telah digunakan untuk menyampaikan kepada senarai penaksiran yang dicadangkan.

Pertamanya, Nilai Penyewaan Pasaran Terbuka (OMRV) yang sedang digunakan untuk mendapati nilai tahunan baru itu, akan berdasarkan bukan atas nilai penyewaan tertinggi bagi rumah-rumah serupa, bahkan ianya didasarkan kepada satu penyewaan menasabah dan biasa dan nilainya harus disokong oleh burhan.

Keduanya, harta-harta yang sedang ditaksirkan semula dibahagikan ke dalam 4 kelas dengan konsesi setinggi seperti 85% untuk rumah-rumah di bawah Kelas IV, 50% untuk rumah-rumah di bawah Kelas III, dan 25% untuk rumah-rumah di bawah Kelas II. *Idea*-nya ialah mencukaikan lebih banyak daripada pemilik harta yang lebih kaya itu dalam kelas I dan Kelas II dan mensubsidikan orang berpendapatan lebih rendah yang lebih miskin terutamanya orang dalam Kelas IV. Menurut angka-angka yang diperolehi, di dalam sejumlah lebih daripada 26,000 harta yang sedang ditaksirkan semula, kira-kira setengah iaitu lebih-kurang 13,000 di bawah Kelas III, dan kira-kira 5,000 yang lain di bawah Kelas IV. Saya berharap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri boleh membekalkan kita dengan satu jadual terperinci mengenai angka-angka ini supaya mempersembahkan satu gambar yang lebih baik bagi seluruh perlaksanaan penilaian semula.

Tentulah, Datuk Yang Dipertua, satu usaha yang telah tertinggal untuk begitu banyak tahun tidak merupakan senang atau sedap untuk mengatasi sekali. Dalam senarai penaksiran Kelas I itu, pemilik-pemilik yang tidak menikmati sebarang konsesi sekali, terdapatlah juga orang yang menghadapi kesusahan membayar bayaran yang ditambahkan. Buruk sekali, ramai pemilik rumah-rumah dan kedai-kedai tahun pre—1948 menerima satu pertambahan yang terlalu lampau dalam penaksiran mereka, segelintirnya setinggi seperti 1,000%. Ramai di antaranya, dengan tidak memperdulikan, menyambung beban ke atas tenan-tenan dan subtenan-subtenan yang lazimnya orang yang lebih miskin yang tidak berkemampuan membayar pertambahan-pertambahan tiba-tiba sedemikian. Inilah kesilapan kedua yang serius yang telah dibuat oleh L.P.K.T. dalam perlaksanaan itu.

Dari segi keadilan, lantaran itu, sungutan dan kesusahan bagi semua rakyat jelata yang dipengaruhi dengan masaalah ini harus didengar dan pengubahsuaian *relevant* mesti dibuat. Dengan tujuan ini, sesiapa yang dipengaruhi oleh perlaksanaan ini telah diberitahukan oleh L.P.K.T. dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri supaya membuat rayuan kepada Lembaga itu untuk pertimbangan. Kemaskini, saya memahami bahawa di antara lebih daripada 26,000 kes penaksiran semula itu, lebih daripada 50% telah membuat rayuan kepada L.P.K.T. Mengenai perkara ini, saya berharap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri boleh menjelaskan itu dengan selanjutnya juga.

Datuk Yang Dipertua, supaya mencapai satu senarai penaksiran yang adil dan saksama yang boleh diterima oleh rakyat jelata, dari segi kewangan atau tidaknya, dan supaya mengelakkan kesusahan yang tidak patut itu, rayuan-rayuan ini bukan sahaja merupakan mustahak tetapi adalah perlu untuk seluruh perlaksanaan itu. Melalui

persidangan rayuan ini, orangramai yang telah dipengaruhi akan mampu menyatakan pendapat-pendapat mereka dan menyebutkan sungutan dan kesusahan mereka dengan lansung kepada Lembaga Kerajaan Tempatan. Dalam ertikata ini, setiap kes pengaduan ialah sepenting seperti sebarang kes yang lain dan semua keterperincian bantahan dan pengaduan mesti dirakamkan. Saya merasa kesal apabila mendengar bahawa terdapat pengaduan terhadap sikap birokratik dan perasaan tidak bersimpati yang diperlihatkan oleh Lembaga terhadap segelintir orangramai yang menghadiri persidangan. Saya ingin mengambil peluang ini supaya mengingatkan Lembaga ini, bahawa bukan sahaja terhadap rayuan penilaian semula ini tetapi juga pengaduan semacam ini mesti semuanya dianggap dengan seriusnya.

Datuk Yang Dipertua, pada masa sekarang, dalam proses mencapai satu senarai yang adil dan boleh diterima, kita sedang mengalami dengan tepatnya satu proses demokratik yang sebenar dan secara langsung. Setiap orang yang dipengaruhi diberi satu peluang untuk mengadu: Setiap sungutan didengar dan setiap kes kesusahan dirakamkan. Adalah kewajipan dan tanggungjawab Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga, selepas semua persidangan rayuan, membuat semua penyelarasan dan pengubahsuaian yang perlu dalam senarai penaksiran yang dicadangkan. Kalau perlu, kadar 28% untuk masa ini harus dikurangkan dengan lebih, dan setengah harta harus dikelaskan semula supaya sepertimana yang telah dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, tiada kesusahan yang tidak patut akan disebabkan.

Fungsi asas Kerajaan Tempatan ialah menyediakan perkhidmatan dan kemudahan sosial dan sivik yang sesuai dan memuaskan dengan penyatuan Majlis-majlis Tempatan serta dengan gaji yang ditingkatkan dan inflasi kuantiti wang tambahan yang besar diperlukan oleh kerana kedua L.P.K.T. Pulau Pinang telah pada masa ini meliputi kawasan-kawasan yang amat lebih luas dan untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan sosial dan sivik yang tidak pernah disediakan kepada banyak kawasan dulu. Tetapi saya ingin menunjukkan kepada Kerajaan Tempatan serta Dewan ini bahawa tujuan utama melaksanakan penilaian semula itu tidak patut mendatangkan satu pertambahan kewangan supaya meliputi perbelanjaan tambahan yang diperlukan. Adalah dasar Kerajaan Persekutuan untuk menyusun semula Majlis-Majlis Tempatan dan menyediakan perkhidmatan dan kemudahan sosial dan sivik kepada rakyat jelata terutamanya kepada rakyat jelata di kawasan luarbandar.

Bebanan kewangan tambahan sedemikian harus lantaran itu dijunjung terutamanya oleh Kerajaan Persekutuan supaya membuat penyusunan semula Kerajaan Tempatan dengan lebih tahan dan lebih bermakna kepada rakyat jelata.

Kita rakyat jelata di Pulau Pinang merasa mujur oleh kerana baru-baru ini salah seorang Ahli Parlimen kita telah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Kerajaan Tempatan semasa beliau harus mengikuti dasar Kerajaan mengenai Kerajaan Tempatan, saya berharap beliau boleh memahami kesusahan dan kesulitan rakyat jelata itu dan akan mengesahkan beliau lantaran itu supaya menggunakan kebijaksanaannya supaya mempengaruhi Kementeriannya untuk menyediakan bantuan kewangan tambahan dan subsidi dari Kerajaan Persekutuan supaya sebarang kesusahan yang telah diramalkan daripada perlaksanaan penilaian semula boleh dengan senangnya disingkirkan. Dengan harta-harta yang telah dinilaikan semula, kuasa membuat pinjaman oleh Kerajaan Negeri di Pulau Pinang telah dipertinggikan dengan banyak kali, dan saya merasa pasti bahawa beliau akan mencari dirinya sendiri dalam satu keadaan yang kuat supaya boleh mendapat bantuan kewangan tambahan ini untuk Pulau Pinang. Supaya mencapai ini dan supaya menyelesaikan masalah lama mengenai penilaian semula ini, lantaran ini, perlaksanaan penilaian semula dan persidangan

rayuan mesti dibuat dan dengan kelulusan Rang Undang-Undang ini maka usaha ini boleh dilaksanakan.

Datuk Yang Dipertua, untuk kepentingan rakyat jelata dan Negeri ini, lantaran itu, saya harus menyokong Rang Undang-Undang ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah):** Saya ingin mengambil bahagian atas Rang Undang-Undang ini, Datuk Speaker.

Saya menyokong Bil. ini. Saya yakin rakyat akan bersetuju penilaian tahunan bagi harta yang ditaksirkan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan (L.P.K.T.) Pulau Pinang bagi tahun 1975, iaitu tahun yang lalu tidaklah membuktikan penilaian tahunan yang ada sekarang. Ada harta-harta yang tidak dinilaikan semula lagi bagi beberapa tahun lepas. Rumah-rumah yang telah dibina sebelum tahun 1948 yang dikuasai di bawah Land Control Act tidaklah dinilai atau *re-assessed* dalam tempoh lebih-kurang 30 tahun lepas. Pendek kata nilaian tahunan bagi rumah untuk tahun 1975 ialah sepatutnya nilai bagi tahun 1948 dahulu.

Walaubagaimanapun juga, dimaklumkan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh Lembaga kepada rakyat adalah sangat lebih atau *more sophisticated* masa tahun 1948. Maka perkhidmatan oleh L.P.K.T. yang lebih baik hendaklah mendapat kewangan yang lebih untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan kewangan itu mestilah ditepati daripada pembayar-pembayar taksiran. Sebelum tertubuhnya Pihak Berkuasa Air (P.B.A.) Lembaga Letrik Negara (L.L.N.) adalah bertanggungjawab bagi bekalan air dan letrik. Oleh sebab bekalan letrik telah diambil oleh L.L.N. dan bekalan air diambil oleh P.B.A., hasil pendapatan bagi L.P.K.T. telah berkurang. Untuk meneruskan perkhidmatannya yang sedang diberikan oleh L.P.K.T., Lembaga itu patutlah mendapat bayaran-bayaran taksiran daripada tuan-tuan rumah. Walaupun bantahan-bantahan tidak boleh diberikan pada penilaian di atas harta-harta yang dinilaikan oleh L.P.K.T., cara yang dikuatkuasa oleh Lembaga tersebut telah tidak memuaskan hati rakyat. The people are not psychologically attuned to expect a revaluation now. Juga, kejadian Lembaga itu telah menambahkan kesusahan-kesusahan yang dikemukakan oleh rakyat pada masa inflasi dan *economic recession* ini. Dengan izin, Datuk Yang Dipertua: It would have been prudent if L.P.K.T. had *re-assessed* the annual values in stages over certain fixed periods, say, once in five years instead of after thirty years as has been done now, as a result of which the increase which is legitimate, appears so obvious and visible.

Adalah saya diberitahu annual value tidak serupa di antara sesuatu rumah yang serupa yang telah dibina oleh seorang contraktor dalam satu barisan. Saya hairan macamana penilaian bagi rumah-rumah tersebut itu dibesarkan. Saya tahu keutamaan (concession) adalah diberi oleh Lembaga sesuatu rumah yang diduduki oleh tuan rumah. Jika Lembaga telah membuat sesuatu kesalahan Lembaga itu patutlah mengakui kesalahan tersebut dan sebaiknya mengambil tindakan yang selanjutnya supaya rumah-rumah tersebut dinilai lagi.

Datuk Yang Dipertua, untuk mengurangkan belanjawan L.P.K.T., Lembaga sepatutnya mengambil tindakan yang sewajarnya bagi pentadbirannya supaya pengurangan belanjawan dapat dilakukan.

Dengan izin, Datuk Yang Dipertua, I do not think that members of public would object to a valuation or a re-assessment of the annual values as they will not expect to pay assessment for the 1970 annual values and expect to get services of 1976. What I feel we ought to do is to get the proportionate number of times the annual values had been increased.

Datuk Yang Dipertua, walaubagaimanapun, untuk meluluskan pihak perkhidmatan Lembaga untuk rakyat, Lembaga tersebut hendaklah mempunyai kewangan yang lebih daripada

pendapatan Lembaga secara taksiran bagi tahun 1975 supaya Lembaga boleh menjalankan tugas-tugasnya dengan tidak payah berhutang. Oleh yang demikian saya menyokong Rang Undang-Undang ini.

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Datuk Yang Dipertua, saya hendak mengambil bahagian memberi ucapan sedikit atas Rang Undang-Undang ini. Saya minta izin jikalau dimana saya tidak dapat berbahas dalam Bahasa Kebangsaan saya minta izin berbahas dalam bahasa Inggeris.

Saya merayu kepada Ahli Yang Berhormat di sebelah sana fikir baik-baik dan berunding serta berbincang Rang Undang-Undang ini sebab saya nampak banyak orangramai di luar dan di dalam negeri ini ada salah faham akan tujuan Rang Undang-Undang ini. Saya nampak Rang Undang-Undang ini adalah penting dan terang. Ada Ahli-Ahli berkata kontroversi yang ada ialah kontroversi yang berkenaan dengan Rang Undang-Undang ini. Kontroversi itu membangkang kutipan cukai yang tinggi, bukanlah membangkang mengutip cukai. Kita mahu faham tujuan Rang Undang-Undang ini mahu beri kuasa L.P.K.T. kutip cukai pintu dan setahu saya orangramai tidak membangkang.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Mana boleh tahu tidak membangkang?

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Kutip cukai pintu orangramai tidak bangkang. Orangramai membangkang kutipan cukai pintu yang tinggi. They are not opposing the right of collection of the assessment. They are opposing to the increased assessment. Itu tidak sama. Itu kita mesti faham, sayapun tidak puashati, tapi saya bukan tidak puashati kutip cukai.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Saya minta keterangan, Datuk Speaker. Saya tidak bangkang perkara berkenaan kutip cukai. Tapi saya bangkang Rang Undang-Undang ini bagi kuasa tidak ikut Ordinan 61, 63 dan 64.

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** If you will sit a while I will explain to you. Sebab itu ada 101 peratus orang di dalam Negeri kita tidak bangkang, pihak berkuasa L.P.K.T. kutip cukai. Jikalau kita ada faham di dalam Rang Undang-Undang ini kita tahu tujuan ini. Tetapi mengikut *clause* ini jika orangramai fikir kutipan cukai terlalu tinggi, itu bukanlah kuasa Kerajaan Negeri, tetapi pertimbangan boleh dibuat di dalam Mahkamah. They reserve the right of the objector to have a fair hearing in High Court to validate the objection. That is a separate issue. Itu perkara lain. Ahli Yang Berhormat selalu membangkang.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Tidak. Rang Undang-Undang ini saya sokong penuh. (*ketawa*).

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Saya tidak tahu. Saya kasi peluang tetapi Ahli Kawasan Bagan Jermal ada berkata "keras". Saya diam-diam.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Yang Berhormat bercakap tidak betul. Saya ada menyokong.

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Tetapi kita mesti pertimbang baik-baik *motive* atau tujuan ini. Jikalau kita tidak luluskan Rang Undang-Undang ini apa boleh terjadi? Jika L.P.K.T. langsung tidak boleh kutip cukai pintu apa akan terjadi?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Boleh, mana boleh tidak boleh jadi.

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** This is the point in question. Jikalau Rang Undang-Undang ini tidak diluluskan L.P.K.T. langsung tidak boleh kutip cukai. Jikalau langsung tidak boleh kutip cukai apalah terjadi dan apalah berikut? No services. Tetapi itu boleh bagi satu peluang kepada anti-National menjahanamkan demokrasi, jahanamkan keselamatan kita. Setakat hari ini keselamatan kita cukup baik. It is not

monstrous and it is not scandalous, but it is straight forward and regularizes what has been irregular. Jikalau Municipal Ordinance tidak payah beri kuasa L.P.K.T. mengutip cukai pintu—langsung tidak payah kutip cukai pintu—dan oleh sebab itu kita bawa satu Rang Undang-Undang macam ini, then, that is 'covering-up'.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Adakah kuasa mengikut Ordinan ini?

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Ada kuasa.

**Tuan Speaker:** Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal janganlah ganggu.

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Jikalau Ahli Kawasan Bagan Jermal duduk diam-diam, dengan baik-baik, cuba faham ucapan saya dalam Dewan ini, barangkali ucapan saya dalam bahasa Malaysia kurang baik untuk Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal, sebab itulah saya merayu kepada Ahli dari Kawasan Bagan Jermal cubalah kuat sikit. Saya tidak tahu boleh kuat atau tidak boleh kuat. (*ketawa*).

**Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong):** Jikalau L.P.K.T. langsung tidak ada kuasa kutip cukai pintu tetapi Kerajaan Negeri hari ini buat Rang Undang-Undang ini itulah bolehlah dikatakan 'covering-up', tetapi dalam Ordinan, L.P.K.T. ada kuasa penuh kutip cukai; tetapi jikalau mahu kutip cukai mesti ikut aturan dalam Municipal Ordinance. Tetapi kita ada faham, jikalau mahu kutip cukai pintu mengikut peraturan dalam Municipal Ordinance, assessment lists kena *publish,* dan *hearing of appeals* perlu disiapkan dalam satu tahun. Hari ini semua orang ada faham. Ini tidak betul. 18,000 susah. Therefore it is a simple Bill to allow the L.P.K.T. to go about, and if there is any objection they can object in the High Court. For that I fully support the Bill. Sebab itu saya sokong sepenuhnya Rang Undang-Undang ini.

*Dewan ditangguhkan pada jam 12.55 petang.*

*Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.*

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee):** Datuk Speaker, saya ingin minta kebenaran untuk mengambil bahagian dalam bahasan Rang Undang-Undang ini.

Datuk Speaker, dalam beberapa bulan yang lalu, penduduk-penduduk di Pulau Pinang telah diganggu dengan hebatnya oleh penilaian semula dan penaksiran yang dijalankan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang mengikut peruntukan-peruntukan Municipal Ordinan di bawah Local Government (Temporary Provisions) Act, 1973.

Perkara ini telah menjadi begitu sensitif dan berat sebelah—sensitive and lop-sided—bahawa penilaian semula dan penaksiran telah menjadi suatu pil yang beracun—a poisonous pill—yang semua sekali tidak dapat diterima. Ini adalah satu perkara yang menyedihkan bagi rakyat dan Kerajaan kita, terutama sekali Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan yang bertujuan baik ini telah terjerumus ke dalam satu keadaan yang tidak menyenangkan ini. Penilaian dan penaksiran memang merupakan satu 'pil besar'—a big pill—ditelan oleh rakyat Pulau Pinang—a big pill for the people of Penang to swallow. Akan tetapi kalau kita tidak singkirkan ke semua sentimen ini ia akan menjadi satu pil yang pahit—a bitter pill—dan bukan pil beracun sebagaimana disifatkan setengah-tengah orang. It is a bitter pill rather than a poisonous pill, Sir. Pil pahit biasanya merupa satu jenis ubat yang baik, walaupun ia susah ditelan, tetapi ianya berguna dan perlu bagi sistem tubuh badan kita sendiri apabila badan kita kurang sihat. Penaksiran lama telah jauh ketinggalan zaman—out of date—dan penuh dengan keadaan yang ganjil—and also full of anomalies. Ia seperti sebuah mesyin yang rosak yang memerlukan 'overhaul' supaya ia boleh berjalan semula dengan baik-baiknya.

Datuk Speaker, rakyat Pulau Pinang adalah bijaksana dan berakal. Biarlah kita ambil peluang ini perhatikan perkara ini secara tenang dan objektif.

Municipal Ordinance menentukan penilaian semula dijalankan sekali tiap-tiap lima tahun, akan tetapi ini tidak pernah dilakukan dalam masa yang lalu, dan penilaian yang terakhir dijalankan dalam tahun 1959, iaitu 18 tahun yang lalu. It is 18 years out-of-date. Sebagai akibatnya, kebanyakan nilai tahunan adalah ketinggalan zaman dan terlalu rendah. Contohnya, rumah-rumah kedai di sepanjang Penang Road dinilai semula 18 tahun yang lalu dalam harga yang sangat rendah. Kini, nilai dan nilai sewa kedai-kedai ini telah meningkat naik 10 kali lipat ganda. Akan tetapi oleh sebab kelonggaran undang-undang ini, setengah-tengah penaksiran yang bernilai $70 ke $80 masih dikutip tiap-tiap tahun. Sebaliknya rumah-rumah baru di sekitar luarbandar yang sewanya tidak sampai ½ atau ¼ seperti di Penang Road ini terpaksa membayar dua hingga lima kali lipat ganda, lebih daripada kedai-kedai di kawasan bandar.

Datuk Speaker, ramai orang bekerja kuat supaya dapat menyimpan cukup wang untuk membeli rumah-rumah sendiri dan mereka kena membayar penaksiran yang tinggi. Sebaliknya tuan-tuan rumah di kawasan bandar membeli rumah-rumah untuk mencari keuntungan, dan mereka kena bayar penaksiran yang lebih rendah. Tuan Speaker, adakah ini dikatakan adil?

Masih terdapat banyak lagi keadaan yang ganjil dalam sistem penaksiran ini dan keadaan yang tidak memuaskan ini telah berlaku di masa 18 tahun yang lalu. Kalau pihak berkuasa tidak ambil langkah menjalani penaksiran ini dengan serta-merta, bilakah dapat kita melakukannya? Apakah kita membenarkan keadaan yang ganjil ketidak-adilan sosial ini terus berlaku?

Datuk Speaker, matlamat utama Barisan Nasional, terutama Parti Gerakan, adalah hendak mencipta satu masyarakat yang adil dan saksama. Bagaimanakah kita boleh mencapai kesemua ini, kecuali kita bertindak dengan segera tanpa takut.

Datuk Yang Dipertua, penilaian semula adalah perlu dan kena pada masanya. Revaluation is needed and also timely. Tujuan utama penilaian semula ini adalah untuk *update*-kan—to bring up to date—nilai tahunan ke semua harta-benda di Pulau Pinang, membawakan keseragaman—to bring about uniformity—dan membetulkan keadaan yang ganjil, or to correct anomalies.

Datuk Speaker, memang terdapat kesalahan, keadaan yang ganjil dan penilaian yang terlalu tinggi dalam senarai penaksiran itu. Tetapi Undang-undang kita telah membenarkan supaya ditubuhkan satu Lembaga Pengaduan—an Appeal Board—untuk menerima dan mendengar semua aduan dan penentangan serta membuat penyesuaian yang mana perlu. Dari beribu-ribu kes pengaduan yang diterima, didapati bertambahnya penaksiran itu adalah terlalu tinggi. Akan tetapi nilai tahunan—annual values—yang dijalankan untuk Jabatan Nilaian adalah adil kerana ia bayangkan "open-market rentable values". Maka jelaslah bahawa tidak ada apa-apa kesalahan dalam penilaian ini. Apa yang salah ialah penilaian tidak dijalankan dalam 18 tahun yang lalu, satu masa panjang yang mengakibatkan keadaan ini.

Masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah bukan kita hendak menjalankan penaksiran ini atau tidak. Melainkan kita hendak menentukan bagaimana hendak menjalankan penaksiran semula terhadap harta-harta kita dalam satu cara yang adil dan munasabah supaya mengurangkan kesusahan rakyat sebanyak mungkin. Datuk Speaker, dengan izin—our problem today is not one of deciding whether we want to have or not to have a revaluation. Instead, what we are concerned with is how to go about reassessing the property of ours in such a manner that it is fair and reasonable so as to cause as little hardship as possible.

Datuk Speaker, Rang Undang-Undang yang dibentangkan kepada Dewan ini bertujuan untuk mengesahkan beberapa penaksiran dan kadar tertentu yang telah dibuat atau seolah-olah telah dibuat di bawah Peruntukan Ordinan Perbandaran N.S. Bab. 133. Enakmen ini semata-mata mencari jalan untuk membetulkan beberapa kelonggaran dalam peruntukan-peruntukan Municipal Ordinance. Langkah ini menjadi perlu oleh kerana setengah-tengah *procedure* tidak mengikut langkahnya atau '*non-compliance*' dalam pentadbiran penaksiran Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Apakah '*non-compliance*'? Bagaimana teruk keadaannya?

Ordinan itu menentukan bahawa sebelum senarai kadar itu dapat dijalankan ia harus diluluskan *or authenticated* sebelum akhir tahun 1975. Perkara ini tidak dijalankan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Ia menentukan selanjutnya, apabila satu senarai kadar baru dicadangkan, Lembaga mesti terlebih dahulu menerima dan mendengar semua pengaduan, diadakan pembetulan yang perlu dan diluluskan senarai yang dibetulkan sebelum ianya dijalankan pada tahun berikutnya. Tetapi kedua-dua ini tidak dijalankan.

Datuk Speaker, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan tidak meluluskan senarai kadar bukan kerana ia tidak sedarkan atas keperluannya, akan tetapi ianya tidak mempunyai masa yang cukup untuk mendengar semua pengaduan sebelum akhir tahun 1975 kerana terdapat tidak kurang daripada 18,000 kes pengaduan. Di antaranya, ada kes-kes yang masih membuat pengaduan walaupun penaksirannya lebih rendah daripada yang dahulu. There are cases where the landlords, the house owners or the property owners are required to pay a lower assessment and yet they come forward to appeal. Bilangan kes pengaduan sedemikian tinggi adalah disebabkan oleh *manipulation* beberapa orang ahli politik.

Biar kita perhatikan perkara ini dengan secara objektif. Tidak dapat dinafikan bahawa Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan telah melakukan beberapa kesalahan. Akan tetapi ini semata-mata kesalahan teknikal—technical mistakes—dan Undang-Undang yang tidak menjejaskan kepentingan rakyat. Pada tahun-tahun lalu, rakyat agak gembira apabila kesalahan teknikal dan Undang-Undang dibuat oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Dan sebab itulah Enakmen ini cuba membetulkannya. Mengapa kita menyalahkan di atas kesalahan kecil di masa yang lalu apabila tidak ada orang menderita? Apakah yang kita berharap untuk mencapai?

Tuan Speaker, berbalik kepada senarai kadar tahun 1976, telah saya kata tadi, oleh kerana Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan tidak dapat menghabiskan kesemua kes pengaduan dan meluluskan kadar 1976 sebelum akhir tahun 1975, maka tidaklah halal bagi Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan menjalankan senarai Kadar tahun 1976. Oleh kerana kesilapan Undang-Undang ini, maka tidak mungkin bagi Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan mengutip sebarang kadar bagi tahun 1976.

Datuk Speaker, apakah keadaan yang dihadapi oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan? Bagaimanakah Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dapat berfungsi dengan tanpa sumber hasilnya? How is the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan going to function without its main source of revenue? Siapakah akan bertanggungjawab atas keperluan sehari-harian, seperti jalan, longkang, sampah, lesen, kesihatan dan lain-lain lagi? Menurut anggaran belanja, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan akan menanggung satu *deficit* sebanyak $9 juta. Apakah kita ingin Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan menjadi bankerap juga seperti apa yang telah terjadi ke atas bandaraya New York? Do you want our Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan to face the same financial crisis as what has happened to New York City?

Maka maklumlah bahawa rakyat tidak gembira kerana mereka terpaksa membayar kadar yang lebih tinggi. Apa yang menyedihkan saya

ialah ada orang yang sengaja memburukkan situasi untuk kepentingan mereka. Mereka tidak menolong menerangkan keadaan yang benar kepada rakyat. Mereka tidak memberi apa-apa penyelesaian, melainkan mencari kesalahan teknik dan kelonggaran undang-undang untuk menghalang dan sabotaj *machinery* Kerajaan. Tetapi apakah akibat kegiatan mereka itu? Apakah mereka boleh beroleh dan siapa akan menderita? Tidak elok saya katakan.

Datuk Speaker, Kerajaan Negeri menyedari bahawa pelaksanaan penaksiran penilaian bagi tahun 1976 akan mengakibatkan kesusahan ke atas orangramai. Kita semua terlibat dalam keadaan yang mencabar ini dengan kenaikan harga barang-barang dan keadaan ekonomi yang meleset. Akan tetapi inflasi dan keadaan yang meleset telah memberi tamparan yang teruk kepada Kerajaan dan sektor swasta juga. Both the Government and the private sectors are affected by inflation and economic recession alike. Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan juga menghadapi kesusahan kewangan dalam menguruskan hal perniagaan dan mengadakan perkhidmatan kepada rakyat. Bila keadaan seumpama ini kunjung menyerang kita semua terpaksalah bersama-sama mengikat tali pinggang kita dengan ketat.

Datuk Speaker, seringkali kita rasa bangga dengan mengatakan, "Pulau Pinang Memimpin". We are all proud to say, "Penang Leads". Di sinilah kita sedang melancarkan penilaian semula yang mendahului semua negeri yang lain dalam Malaysia yang mana pada masa depan akan mengenakan perkara ini ke atas rakyat di seluruh Malaysia juga.

Datuk Speaker, untuk mengelakkan kesusahan yang melampaui akibat dari kenaikan penaksiran itu, pihak yang berkuasa patut menimbangkan kemungkinan melaksanakannya dalam jangka masa lima tahun supaya bebanan ini dijelaskan berperingkat-peringkat oleh rakyat. Ini saya yakin tentu akan dapat diterima oleh rakyat.

Dengan ini, Datuk Yang Dipertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli yang telah mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang ini dan di sinipun saya mestilah bercakap saya berasa gembira dan bangga terutama sekali mereka-mereka yang telah berucap menyokongnya dan saya berasa di dalam Dewan ini, Datuk Yang Dipertua sendiripun boleh faham macamana rakan-rakan saya di sebelah Dewan ini telah menunjuk mereka sungguh Ahli-ahli rakyat yang bertanggungjawab.

Saya ingin menyatakan bahawa saya sungguh hairan memandangkan kepada kurangnya penghargaan objektif-objektif Rang Undang-undang ini sepertimana yang ditunjukkan oleh pihak Pembangkang. Ini adalah akibat dari kekurangan pengalaman, pengetahuan, ataupun dengan sengaja menghalang proses perundingan dan tugas Dewan ini sekurang-kurangnya.

Datuk Yang Dipertua, adalah sesuai bahawa dalam semangat demokrasi negara ini rakyat hendaklah membina dengan menyampaikan pandangan-pandangan mereka sepertimana yang mereka fikir betul. Semasa beberapa bulan yang lalu, Kerajaan telah mengikuti dengan teliti kenyataan Pembangkang mengenai kajian kadar hasil yang telah dijalankan oleh Lembaga. Di sini saya terangkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Pembangkang iaitu bila saya masuk ke Dewan ini, semangat Kerajaan membawa Usul dan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan di dalam Dewan ini ialah sungguh-sungguh mendapati dan tahu macamana undang-undang ini adalah sesuai atau adil atau bagaimana undang-undang ini boleh membaiki masaalah yang timbul di dalam Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan di masa sekarang. Tetapi bila saya dengar ucapan-ucapan oleh Yang Berhormat Ahli-ahli dari Pembangkang, apa yang kita dengar? Ucapan Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan

Pekan Bukit Mertajam adalah dramatic; dalam ucapan beliau ada mengatakan 'scandalous' illegal', 'immoral', 'robbing the people', 'daylight robbery'; dan di dalam ucapan Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal 'salah', 'covering up Bill', 'Watergate', irritating, dan lain-lain. 'Criminally assaulted' pun ada. Tidak tahu ada *rape* atau tidak. Tetapi Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Bukit Tambun, saya berasa dalam ucapan beliau, beliau mestilah bangun berucap di dalam Dewan sebab kalau tidak bangun dan berucap di sini tidak bolehlah berterus-terang tunjuk di mana beliau dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota, saya fikir, telah tidak beberapa banyak kali berucap di dalam Dewan ini, tetapi dalam ucapannya beliau berkata tujuan apa yang kita bahas hari ini ialah—apa beliau kata: "two wrong things to make one right thing", atau tidak.

Saya fikir Yang Berhormat rakan-rakan sayapun telah bagi keterangan di dalam Dewan ini akan tujuan Rang Undang-Undang ini yang betul. Ini bukan dua perkara salah yang menjadi satu keputusan betul. Ini satu keputusan yang jika kita ambil kelulusan di dalam Dewan ini, saya fikir semua Ahli-ahli Dewan ini boleh balik dengan bangga berjumpa dengan rakyat yang kita mewakili, yang kita boleh kata hari ini selepas kita berunding, bahas dan ambil keputusan, keputusan yang kita ambil ialah yang betul adil dan untuk faedah rakyat. Saya harap Yang Berhormat Ahli-ahli Pembangkang bolehlah sungguh-sungguh pertimbang apa yang saya jawab balik dan jika apa yang saya kata di sini tidak sesuai, saya harap mereka bukanlah boleh membuang mandat yang dibawa di sini.

Saya terima juga Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota sungguh-sungguh seorang Ahli yang bertanggungjawab. Beliau masuk dalam Dewan ini dengan mandat sebanyak 190 lebih kesatuan-kesatuan dan 4,000 lebih rate-payers dan mestilah beliau mengikut mandat-mandat yang beliau dapat itu. Mandat-mandat itu, nampak saya, lebih berat daripada *whips* yang ada di sini. Apa yang kita ada di sini bukan *whips*, tetapi apa yang kita ada di sini ialah satu tujuan sebab semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di pihak sini, Datuk Yang Dipertua, bersetuju dengan dasar yang dijalankan oleh Barisan Nasional. Ini saya boleh ulang balik tetapi saya harap Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota, jika beliau setuju dengan apa yang kita bahas di sini, boleh bawa balik apa yang kita bahas di sini kepada 190 lebih kesatuan-kesatuan dan 4,000 orang penduduk-penduduk di kawasan beliau dan bagi keterangan macamana Undang-undang ini ialah bukan sesuatu untuk menjalankan kesalahan tetapi ialah sesuatu yang menjalankan tugas yang betul untuk membaiki masaalah yang sekarang kita ada. Dan saya haraplah Yang Berhormat Ahli-ahli Pembangkang yang lain janganlah keras-keras otak dan keras-keras hati sahaja masuk di sini untuk membangkang, tetapi masuklah dalam Dewan ini mengikut semangat yangmana Tuan Yang Terutama Gabnor telah ucapkan di dalam ucapan beliau dan pertimbang baik-baik yangmana kita sungguh-sungguh boleh bekerja bersama-sama untuk faedah rakyat.

Datuk Yang Dipertua, suara-suara yang kita telah dengar adalah mewakili berbagai-bagai kumpulan dari orang-ramai. Telahpun terdapat sungutan-sungutan dari ahli-ahli politik yang terkenal yangmana keinginan mereka untuk memainkan perasaan para hazirin telah menjadikan mereka lupa akan tanggungjawab mereka sebagai wakil-wakil rakyat yang terpilih untuk membimbing dan memimpin rakyat ke arah perundangan yang lebih maju dan lebih baru lagi. You must understand. Dengan izin, Datuk Yang Dipertua, saya bercakap dalam Bahasa Inggeris. There are those who will play before the gallery and forget their responsibilities to the very people who elected them. Kerajaan telahpun mendengar suara-suara dan hak-hak yang dibawa di rasa beberapa bulan yang lalu, Kerajaanpun telah mendengar suara-suara sungutan mereka-mereka yang tidak berpuashati yangmana

pandangan biasa mereka di dalam masyarakat adalah untuk menghalang Kerajaan pada setiap ketika.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan perhatikan kerapkali orang-orang yang tidak berpuashati di kalangan kita sentiasa membangkang Kerajaan di atas segala tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membawa perubahan bagi kebaikan masyarakat. Akan tetapi, Datuk Yang Dipertua, apa yang lebih mustahak lagi ialah Kerajaan dan saya harap Yang Berhormat Ahli-ahli yang bertanggungjawab pun telah menyokong dengan apa yang saya telah kata. Kerajaan telah juga memerhatikan cara jahat bagaimana ahli-ahli politik yang bongkak dan orang-orang degil yang tidak berpuashati telah membiarkan diri mereka dijadikan alat oleh anasir-anasir subversif dan anti-nasional yangmana tujuan mereka adalah pada setiap masa untuk menghalang perjalanan pentadbiran dan untuk mencegah *structure* Kerajaan sendiri.

To make it clear to the Honourable Member before he stands up—and I am not giving way—what I said is, we understand that in a democratic society as in Penang which consists of many well-known voices—frequently taken up in umbrage—very often if you drop a pin they will challenge you, and also by those who are frequently malcontent, all these the Government can understand. Now, what the Government has to take action against, and be very careful about—and I am sure I have the support of the Honourable Members of both sides of the House who have the same responsibilities for the safety of the Nation—is that what is being said and what is being done dramatically and tacitly is not being made use of, or they do not allow themselves to play into the hands of the subversive and anti-national elements whose objective at all times . . . (*gangguan*).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Yang Dipertua, Peraturan 46, berkenaan *insinuation.*

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya tidak terima.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Saya belum beri keterangan lagi. Kita sebagai seorang wakil rakyat tentu mahu berucap. Rakyat pilih kita untuk bercakap di sini. Apa yang kita cakap ialah di dalam *merit and basis* Rang Undang-Undang ini. Mana boleh kata kita 'play into the hands of the subversive and anti-national elements'. Inilah yang Chinese katakan "Mor-soo-yeu". Kita tidak macam itu. Kita tidak anti-nasional. Mana boleh kata kita buat begitu? Ini tidak betul.

**Tuan Speaker:** Saya *over-rule*. Yang Amat Berhormat, sila sambung semula.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, sungguhpun hari ini saya ingat hendak bercakap dengan perlahan dan ringan, tetapi selepas ini saya mesti hentam sekali. (*ketawa*).

What I was saying is that the Government has been very carefully observing, and—dengan izin, ini saya cakapkan dalam bahasa Inggeris, for his understanding—what the Government and the Honourable Members on both sides of this House who are equally responsible for the security of the nation has got to be careful and concerned about is that these statements do not play into the hands of the subversive and anti-national elements whose objective at all times is to obstruct the course of administration and to break down the structure of the Government itself.

Perkataan-perkataan seperti 'aktiviti haram Lembaga'—'illegal activities', 'scandalous activities', dan lain-lain—akan memberi peluang kepada anasir-anasir yang ada. Sebab itu, saya harap bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini sahaja, tetapi sesiapapun yang ingin hendak memimpin rakyat kita jagalah sedikit dengan perkataan yang mereka bawa dalam masaalah ini.

Datuk Yang Dipertua, apakah sebenarnya yang sedang kita hadapi sekarang? Peruntukan-peruntukan Perlembagaan bagi sebuah Dewan Un-

dangan Negeri, 26 (1), mengikut Perlembagaan Persekutuan 74 (1), ialah untuk membolehkan wakil-wakil rakyat yang terpilih merumuskan undang-undang dari masa ke semasa untuk membuat masyarakat bergerak dengan sepenuhnya. The Constitutional provisions of the State Assembly as backed up by the provisions of the Federal Constitution enables the duly elected representatives of the people in this Assembly to pass laws and thus to formulate those laws from time to time in order to make the society function properly. Sebab itu apa yang telahkita bahas dan apa keputusan yang kita ambil di sini ialah keputusan yang sesuai, keputusan yang berikut Perlembagaan dan keputusan yang betul; bukan keputusan yang salah.

I am taking up the issue that we are not trying to another wrong to correct what has perhaps been improperly done. What we are doing is taking a right action, a proper action, a constitutional legal action in order to provide for the better functioning of our society, organisations and institutions serving the needs of our society.

Datuk Yang Dipertua, sebab itu tanggungjawab-tanggungjawab dengan Dewan Undangan ini adalah untuk membuat undang-undang baru sedemikian untuk menemui keadaan-keadaan apabila ianya berlaku di dalam sesebuah negara yang sedang membangun. Tugas-tugas kita di sini ialah juga untuk mengulangkaji dan meminda undang-undang sebegini telah dibuat supaya menjadi undang-undang yang membimbing dan membetulkan nasib masyarakat kita dan dapat memenuhi dengan adil dan saksama keperluan masyarakat dari masa ke semasa.

Datuk Yang Dipertua, Municipal Ordinance telah dibuat pada 1hb June, tahun 1913. Saya ingat barangkali seorang ahli sahaja yang ada di sini, pada masa itu berumur 1 atau 2 tahun. Municipal Ordinance dibuat pada 1hb June 1913 dan merupakan satu susunan undang-undang yang membawa dengannya pengertian orang-orang British dalam masa penjajah dalam kemajuan mereka terhadap fungsi *municipal* atau pihak berkuasa tempatan di masa itu. Undang-undang *municipal* ini telah dipinda dari masa ke semasa dan selepas lebih dari 20 tahun telahpun timbul satu pendapat bahawa undang-undang *municipal* ini sekarang tidak mencukupi dan tidak lagi sesuai untuk membimbing atau berkhidmat kepada masyarakat Malaysia yang merdeka. Therefore it is very necessary for us to distinguish whether what we are doing here is progressive or retrogressive and I am very surprised that those who pretend to be progressive in their ideas are fighting for the old reactionary colonial rules. I hope that we have passed that stage. And it may already come as a surprise to Honourable Members that the date was 1913—perhaps if you had been given a postponement or adjournment earlier, you could have researched that out. Datuk Yang Dipertua, serupa itu jugalah pengalaman di dalam Malaysia yang merdeka dalam memperkenalkan Kerajaan Tempatan. Mengikut corak pengalaman, orang-orang British telah menunjukkan dengan jelasnya bahawa perlulah diadakan penyusunan semula Kerajaan Tempatan supaya mengikuti keadaan-keadaan yang sesuai dan berkaitan dengan keadaan dan keperluan masyarakat orang-orang Malaysia sendiri. What we have to consider now is whether the laws or the provision of the Municipal Ordinance drafted so many years ago in the light of experience and needs are no longer pertinent to the Malaysian society.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Repeal?

**Ketua Menteri:** It has been repealed. We will come to that.

Sebab itu Kerajaan Pusat, Datuk Yang Dipertua, telah membentangkan Akta Peruntukan Sementara pada 30hb Ogos, 1973 untuk membolehkan penyusunan semula pihak-pihak berkuasa tempatan supaya dapat memberi pentadbiran dan perkhidmatan Kerajaan Tempatan yang lebih berkesan dan cekap lagi bagi penduduk-penduduk di dalam kawasan-kawasan Kerajaan Tempatan. Datuk Yang Dipertua, lebih-lebih lagi Kerajaan Pusat telah

mengambil langkah-langkah untuk membatalkan atau *repeal* undang-undang municipal dan ini telah dilakukan pada bulan March, tahun 1976, dengan keluaran Akta Kerajaan Tempatan. Sungguhpun Akta ini telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Disember 1975, dan sekarang menjadi Akta selepas March tahun ini, tetapi Rang Undang-Undang di dalam Akta ini telah dibahas dan telah diperbincangkan dengan beberapa pegawai-pegawai dan pejabat-pejabat dan pihak-pihak yang ada di dalam tiga empat tahun dahulu. Inilah menunjukkan macamana Kerajaan Negeri dan Negara, pertimbang berat dan dengan dalam dan teliti bila Kerajaan Pusat, melalui Dewan Parlimen, mengambil langkah-langkah untuk membatalkan undang-undang *municipal.* Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga ingat hendak menjalankan Akta Kerajaan Tempatan baru, the Local Government Act, 1976, to be enforced in the State.

Datuk Yang Dipertua, Akta Kerajaan Tempatan telah dibahas dan diluluskan oleh Parlimen pada bulan Disember, tahun 1975 dan Ahli-Ahli politik yang berada di Parlimen dan yang sedang menyuarakan sungutan telah tidak membangkang kelulusan Rang Undang-Undang Kerajaan Tempatan untuk menjadi Akta. Saya mestilah menganggap bahawa mereka mestilah bersetuju dan menyokong prinsip-prinsip dan matlamat-matlamat Akta Kerajaan Tempatan.

Datuk Yang Dipertua ,adalah berguna jika saya membawa perhatian Yang Berhormat Ahli-Ahli dalam Dewan ini bahawa peruntukan-peruntukan Undang-undang Municipal untuk tujuan hasil dan penilaian adalah terdapat dalam bahagian VII Undang-Undang Municipal dan Akta baru yang berkaitan dengan Akta Kerajaan Tempatan yang baru itu dibuat di bawah bahagian 15 dalam Akta baru ini. The thing is, it is very necessary for us to appreciate that the new Act, the Local Government Act, 1976 provides for rating and assessment in Section 15 as what used to be provided for in the Municipal Ordinance under section VII because there are differences, and important differences because these principals and the allowing of these differences have been accepted by Parliament, and therefore by the people of Malaysia.

Saya dengan penuh harapan menasihatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mengkaji peruntukan ini dengan teliti supaya sebagai wakil-wakil yang dipilih kita boleh menjalankan tugas-tugas kita dengan jelas dan dengan penuh minat untuk menerangkan kepada rakyat tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat Undang-Undang ini. Dengan berbuat demikian, kita bolehlah memajukan masyarakat mengikut perjalanan undang-undang.

Pagi ini kita dengar beberapa kali Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bagan Jermal dan juga Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Bukit Tambun kata kita janganlah lupa dengan semangat dan prinsip-prinsip Rukunegara. Janganlah lupa dengan kedaulatan Negara. Datuk Yang Dipertua, saya ingat saudara-saudara yang di sebelah sini selalu mengkaji dan menjalankan tugas-tugas menjaga objektif-objektif dan prinsip-prinsip Rukunegara, dan apa yang kita mesti selalu jaga dan kawal ialah orang-orang yang, mengikut Undang-Undang, bertujuan untuk menjahanamkan undang-undang negara. Inilah yang kita mesti jaga. Kita mesti jaga orang-orang yang selalu kata kita mesti mengikut Perlembagaan, kita mesti mengikut proses demokrasi, tetapi dalam melalui proses demokrasi itu, mereka cuba merosakkan negara kita dan demokrasi yang kita ada dalam negara kita. Inilah kita mesti jaga. Dan sebab itu I earnestly hope that the Honourable Members will not throw about the rule of law and even put forward questionable legal opinions—I must say it is questionable because I still do not know whether it is a true legal opinion or not; I stand to be corrected, of course. Now, the Members who throw about the question of observing the rule of law must at least study the provisions of the Municipal Ordinance and also of the new Act very carefully so that we can, as elected members, truly repre-

sent to the people what are the laws that are in this country. If you do not know the law, admittedly you may have your own legal opinion. Perhaps you may not be leading the people rightly.

Datuk Yang Dipertua, kalau kita faham apa yang diperuntukkan di dalam kedua-dua Akta Undang-Undang, Municipal Ordinance yang lama dan Akta Kerajaan Tempatan yang baru, kita boleh faham, senarai kadar hasil Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Negeri Pulau Pinang di dalam tahun ini, tahun 1976, telah disediakan oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Negeri Pulau Pinang mengikut Undang-Undang Municipal dan oleh kerana Akta baru ini sungguhpun diketahui dalam bentuk Rang Undang-Undang, belum lagi diluluskan oleh Parlimen. Memandang kepada hakikat bahawa Rang Undang-Undang Kerajaan Tempatan telahpun disediakan dalam masa tiga tahun yang lalu dan pegawai-pegawai dalam Lembaga telahpun terlibat dalam menyediakan deraf Rang Undang-Undang yang baru ini, peruntukan-peruntukan bahagian 15 yang ada sekarang yang menjadi Akta Kerajaan Tempatan telah diperbaharui.

Datuk Yang Dipertua, sebenarnya jika Akta Kerajaan Tempatan telah diluluskan semasa tempoh menyediakan senarai hasil bagi tahun 1976, maka tidaklah ada keperluan yang mendesak Kerajaan mencadangkan Rang Undang-Undang ini di dalam Dewan Undangan Negeri pada hari ini oleh kerana langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga tentu akan disahkan dengan resminya oleh Akta Kerajaan Tempatan sepertimana yang terdapat sekarang.

Datuk Yang Dipertua, dengan izin: Why we have to understand Part VII of the old Municipal Ordinance and Part 15 of the new Local Government Act is because had the new Local Government Act been made into an Act and adopted by the State in December 1975, before the 1976 assessment list was passed, then a great deal of the problems that we are trying to resolve through this validating Bill would not have merited. Oleh itu, Datuk Yang Dipertua, adalah nyata bahawa tindakan yang diambil oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang untuk menyedia dan mencetakkan sehelai taksiran bagi tahun 1976, walaupun dapat dianggap bergantung kepada peruntukan-peruntukan Akta baru tersebut, namun ianya tidak sekali-kali cuai dengan tidak mengikut undang-undang. Adalah ditegaskan bahawa peraturan-peraturan yang diikuti oleh Lembaga itu untuk menepati Municipal Ordinance bolehlah dianggap sebagai kurang sesuai, terutamanya memandangkan kepada banyaknya rayuan-rayuan yang dibuat selepas senarai tersebut dicetak. Oleh itu Bill Pengesahan Kadar ini adalah bertujuan untuk menyesuaikan peraturan-peraturan yang boleh disifatkan sebagai salah disebabkan oleh perbezaan masa di antara Akta Kerajaan Tempatan yang baru dengan Municipal Ordinance yang telah lapuk.

Datuk Yang Dipertua, dengan izin: It will be seen, therefore, that the actions taken by the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang to prepare and to publish the assessment list for 1976, although they may be considered to be anticipatory of the provisions of the new Act, were certainly not in any way unlawful or negligent. It may be said that the procedures which have been adopted by the Lembaga in the light of the Municipal Ordinance may perhaps be considered irregular, particularly in view of the large number of appeals made after publication of the list. Therefore this Validating Bill seeks to regularise but there may have been an error in procedure caused by a lapse in time between the promulgation of the new Local Government Act and the obsolescence of the Municipal Ordinance. I hope Yang Berhormat Ahli daripada Pengkalan Kota will accept that whereas the action we take now is right, in actual fact the wrong that were made as you suggest were not scandalous or not criminally assaulting but an error of procedure caused by an unforeseen number of appeals which have been

made. So it is not a question of two wrongs. What we are trying to do is to do the right thing to enable what my Honourable colleague, the Honourable Member from Ayer Itam, has said.

Saya fikir, Datuk Yang Dipertua, tidak seorangpun di seluruh Negeri Pulau Pinang bangkang dengan bayaran dan kutipan hasil-hasil yang kita bahaskan hari ini. I do not believe, Datuk Yang Dipertua, that there is any one person in the whole of Penang who objects to the collection or to the rates that we have.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** That is understandable. You need not have to say that.

**Ketua Menteri:** But this is precisely what the Bill seeks to do.

Datuk Yang Dipertua, I don't believe that, except adalah saya kata satu bahagian warganegara, tetapi ada anasir-anasir subversif dan anti-nasional . . . . (*gangguan*).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Siapa itu? (*ketawa*).

**Ketua Menteri:** . . . . . dan jika tidak berjaga baik-baik, bolehlah mereka mengambil peluang di sini menjahanam akan pentadbiran Kerajaan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Ini tidak betul. Siapa seorang itu? Tidak ada.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, ada suara-suara yang lantang di kalangan masyarakat yang membantah bahawa pihak Lembaga telah membuat tindakan di luar undang-undang dan keadaan ini telah juga membolehkan anasir-anasir subversif dan anti-nasional menggunakan tektik-tektik yang tidak ketara untuk melindungi perjuangan mereka untuk mencapai matlamat-matlamat mereka untuk melemahkan struktur Kerajaan Tempatan.

Datuk Yang Dipertua, untuk membolehkan perubahan yang berasas daripada peruntukan-peruntukan Municipal Ordinance kepada peruntukan-peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan yang baru, adalah perlu bagi pihak berkuasa negeri untuk menerima dan menjalankan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, tahun 1976, apabila Bil pengesahan itu diluluskan oleh Dewan.

